

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI ISNIN : 25 MAC 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

DARIPADA : YB. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]

SOALAN :-

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil Kerajaan Persekutuan dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan, dalam usaha menangani bencana banjir yang telah melanda negeri-negeri Pantai Timur antara November 2018 hingga Januari 2019 baru-baru ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya mengucapkan “**Selamat Menyambut Hari Polis ke-212**” pada hari ini. Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani bencana banjir yang telah melanda negeri-negeri pantai timur dari November 2018 hingga Januari 2019, Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan tahap kesiapsiagaan pelbagai agensi yang mana di antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

SOALAN NO. 1

- Pertama : Menggerakkan semua agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, bagi memastikan pengurusan banjir diselaraskan dengan berkesan dan lancar;
- Kedua : Memastikan semua agensi Persekutuan berkaitan pengurusan bencana bersedia sedia semasa Monsun Timur Laut (MTL) baru-baru ini dengan menyediakan anggota yang mencukupi. Dalam hubungan ini, sejumlah 6,076 anggota telah diarahkan bersiap sedia untuk menghadapi bencana banjir semasa MTL. Pembekuan cuti juga telah dikuatkuasakan mulai 1 November – 31 Disember 2018 dan Januari – Mac 2019 mengikut keperluan;
- Ketiga : Melaksanakan tiga (3) siri Program Latihan Persediaan Menghadapi Bencana Banjir Monsun Timur Laut sepanjang 2018 yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM60,000.00;
- Keempat : Menyediakan pangkalan hadapan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memenuhi keperluan mangsa-mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan. Bagi tujuan ini JKM telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM2.8 juta bagi kegunaan perolehan pelbagai keperluan asas (tilam, tikar, selimut, bantal dan lain-lain) untuk mangsa-mangsa di pusat pemindahan sepanjang 2018 sehingga Januari 2019;
- Kelima : Menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan perbelanjaan operasi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di negeri-negeri Pantai Timur yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM320,000.00; dan

SOALAN NO. 1

Keenam : Mengaktifkan sebanyak 1,875 pusat pemindahan di pantai timur. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah, bagi tempoh November 2018 – Januari 2019 malah hingga kini bulan Mac 2019, bencana banjir yang berlaku di negara ini amat berkurangan berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini yang mana jumlah mangsa banjir yang terlibat adalah 4,110 berbanding 80,965 semasa MTL 2017/2018. Sementara dari segi keluarga yang terlibat, ia berkurangan daripada 24,201 semasa MTL 2017/2018 kepada hanya 1,167 keluarga semasa MTL 2018/2019. Dari segi pusat pemindahan, ia berkurangan daripada 658 pada MTL 2017/2018 kepada 57 buah pusat pemindahan pada MTL 2017/2018.

Peruntukan bagi tujuan pusat pemindahan bagi Terengganu, Kelantan dan Pahang adalah sebanyak RM5.6 juta. Oleh itu, keseluruhan peruntukan yang dibelanjakan setakat 7 Mac 2019 bagi MTL 2018/2019 adalah RM8.78 juta.

Akhir sekali, bagi mangsa-mangsa banjir, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan bantuan wang ihsan sebanyak RM500.00 bagi setiap ketua isi rumah. Setakat ini Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM482,000.00 untuk Terengganu dan RM91,000.00 untuk Pahang. Bagi Negeri Kelantan, Kerajaan Pusat masih lagi menunggu tuntutan daripada kerajaan negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 2

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab penutupan Bazar Rakyat di Jalan TAR yang sering menjadi tumpuan orang Melayu dan orang India ketika musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Lipis, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menutup aktiviti Bazar Rakyat (Bazar Ramadan atau Bazar Depavali) yang sering menjadi tumpuan orang Melayu dan orang India ketika musim perayaan di Lorong Tuanku Abdul Rahman sebelum ini. Sebaliknya, bazar tersebut akan dipindahkan ke Jalan Raja (hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad - Dataran Merdeka). Lokasi baru ini dijangka lebih selesa, teratur dan terurus yang akan dianjurkan dan diuruskan sepenuhnya oleh pihak DBKL.

Lokasi asal di Lorong Tuanku Abdul Rahman tidak lagi sesuai kerana pihak DBKL telah menerima bantahan dan aduan daripada pemilik-pemilik premis kedai di kawasan tersebut. Selain itu, terdapat beberapa isu lain yang dibangkitkan seperti laluan masuk premis kedai berhampiran terhalang dan terganggu, kesesakan lalulintas yang diakibatkan oleh banyak kenderaan masuk ke kawasan tersebut dan isu kebersihan persekitaran dengan longgokan sampah-sarap ekoran peningkatan jumlah pengunjung ke kawasan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memelihara khazanah warisan negara pada masa yang sama mempromosikan tapak warisan UNESCO di Malaysia untuk mengalakkan kedatangan pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha-usaha yang telah dijalankan bagi memelihara khazanah warisan negara termasuk Tapak Warisan Dunia UNESCO di Malaysia adalah dengan mewartakannya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 untuk tujuan memulihara, memelihara dan melindungi khazanah warisan negara. Sehingga kini, sebanyak 302 tapak telah diwartakan antaranya Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) dan Kota Malawati di Selangor serta lain-lain.

Jabatan Warisan Negara juga telah mengambil usaha untuk mengangkat tapak warisan yang memenuhi kriteria bagi pengiktirafan antarabangsa terutama sekali di peringkat UNESCO. Setakat ini, empat (4) tapak telah mendapat pengiktirafan UNESCO iaitu Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak; Taman Kinabalu, Sabah; Bandar Warisan Dunia Melaka dan George Town dan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.

JWN juga melaksanakan kerja-kerja konservasi tapak atau bangunan yang mana sehingga kini sebanyak 200 tapak/bangunan telah melalui proses konservasi sejak tahun 2006 antaranya Pusat Kawalan Kusta Negara, Selangor; Rumah Penghulu Mat Natar, Melaka dan lain-lain.

Dalam usaha mempromosikan tapak-tapak Warisan Dunia UNESCO di Malaysia, Kementerian telah melaksanakan beberapa usaha untuk menggalakkan kedatangan pelancong seperti berikut:

1. Melalui pelaksanaan program *Mega-Fam (Mega Familiarization)* dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan antarabangsa untuk menyertai acara-acara dan program-program pelancongan di tapak warisan UNESCO agar dapat dipromosikan di luar negara. Sebagai contoh, FAM Trip sempena dengan penerbangan sulung Qatar Airways ke Pulau Pinang pada 6 Februari 2018 yang melibatkan 20 orang pengamal

media termasuk blogger dari China, Filipina, Indonesia, Singapura dan media tempatan, Cathay Pacific Airways FAM Trip dari 29 Mei 2018- 1 Jun 2018, FAM Trip Turkish Media dari 2-9 November 2018 dan FAM Trip Macedonia Agents dari 17-21 November 2018 di sekitar Pulau Pinang yang merangkumi lawatan antara lain ke Cheong Fatt Tze Mansion, Fort Cornwallis, Kek Lok Si Temple dan Masjid Kapitan Keling. Tarikan-tarikan pelancongan ini merupakan sebahagian aset-aset warisan kebangsaan yang telah membolehkan Penang dinobatkan sebagai sebagai UNESCO World Cultural Heritage Site pada 7 Julai 2008;

2. Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, Pakej SUKMA Perak yang merangkumi tarikan-tarikan pelancongan di sekitar Perak dan itinerari lawatan termasuk ke Taiping dan bangunan-bangunan warisan kebangsaan seperti Muzium Perak, Penjara Taiping, Pejabat Daerah & Tanah Larut, Matang & Selama, Perpustakaan Awam Taiping dan Sekolah Menengah King Edward. Pakej-pakej ke Royal Belum juga telah dipromosi di mana pihak JWN telah menghantar dokumen tentatif bagi pengitirafan Royal Belum sebagai World Heritage Site ke pihak UNESCO pada bulan Januari 2017 dan telah diperakui penerimaannya oleh World Heritage Committee. JWN sedang menyediakan dosier bagi pencalonannya sebagai World Heritage Site.
3. Membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran untuk mempromosi produk pelancongan yang terdapat di sana. Sebagai contoh, Penggambaran Program Baik Punya Travelogue oleh pihak ASTRO pada 4-6 April 2018 di Negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak. Produk-produk pelancongan yang bercirikan warisan kebangsaan seperti di Taiping dan Pulau Pinang telah diketengahkan melalui program-program produksi ini;

NO. SOALAN : 3

4. Menyertai misi jualan/pemasaran dan pameran-pameran pelancongan antarabangsa utama seperti WTM di London, ITB di Berlin, *Arabian Travel Mart* (ATM) di Dubai sebagai platform untuk memasarkan produk-produk pelancongan di Malaysia yang mendapat pengiktirafan UNESCO seperti Bandar Melaka dan Georgetown, Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Gunung Mulu khususnya kepada para pelancong antarabangsa;
5. Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri sebagai contoh Kerajaan Negeri Melaka dengan mengadakan program-program seperti 11th *Anniversary of UNESCO World Heritage City Celebration* pada 6 Julai 2019 untuk sama-sama rakyat tempatan dan luar negeri meraikannya. Selain itu, Fiesta San Pedro turut dirancang pada 29 Jun – 1 Julai 2019 bertujuan untuk mengetengahkan sejarah masyarakat Portugis di Melaka selain peninggalan bangunan-bangunan lama. Antara program-program lain yang bakal dianjurkan adalah 16th *Anniversary of Historic Melaka City Council* pada 15 April 2019, Melaka Fiesta pada 26 - 27 Oktober 2019 dan Melaka *River International Festival* pada 30 November - 10 Disember 2019;
6. Publisiti dan promosi dalam media sosial dan digital melalui laman web Tourism Malaysia, *Youtube*, *Twitter*, media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*;
7. Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat-pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 19 buah Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di seluruh negara serta melalui laman web Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dengan Kerajaan negeri dalam menurunkan kadar premium tanah untuk memastikan harga rumah mampu milik dapat diturunkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penetapan harga rumah antaranya harga tanah, kos bahan binaan, kos bahan mentah, kos pematuhan seperti caj premium tanah, caj sumbangan utiliti yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan utiliti serta kadar keuntungan yang diambil oleh pemaju.
2. Berdasarkan beberapa projek perumahan di Banting, Selangor dan Port Dickson, Negeri Sembilan, caj premium tanah yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dianggarkan sebanyak 17%-18%. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengadakan konsultasi dan perbincangan berterusan bersama kerajaan negeri untuk mengkaji kaedah terbaik supaya diberi kelulusan khas terhadap caj premium tanah bagi tanah-tanah yang diluluskan untuk projek perumahan mampu milik. Usaha ini diharapkan dapat membantu meningkatkan penawaran rumah mampu milik oleh pihak Kerajaan dan swasta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN : 5

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan Kerajaan tentang kanak-kanak yang menjadi tanpa kewarganegaraan (stateless) semata-mata kerana ibu warga asing kanak-kanak ini semasa melahirkan mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka dengan bapa kanak-kanak ini yang berwarganegara Malaysia.

JAWAPAN

Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya menjawab soalan saya, izinkan saya untuk mengucapkan Selamat Hari Polis yang ke-212. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih bagi pihak rakyat Malaysia khususnya kepada pihak Polis Diraja Malaysia di atas jasa bakti mereka menjaga keamanan negara. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelahiran di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Berhubung dengan rekod individu tanpa kewarganegaraan, adalah dimaklumkan bahawa kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara hanya merekodkan seseorang individu sebagai warganegara atau bukan warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Justeru itu, tiada individu yang direkodkan sebagai stateless di Malaysia.

Walau bagaimanapun, sekiranya ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut mendaftar lewat perkahwinan mereka selepas kelahiran kanak-kanak tersebut dan ibunya adalah bukan warganegara, maka permohonan kewarganegaraan kanak-kanak berkenaan boleh dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara di bawah Perkara 15A dan akan dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut kaedah penentuan kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang iaitu Perkara 14, bila seseorang bapa bukan warganegara dan ibu warganegara, perkahwinan mereka didaftarkan ataupun tidak, anak akan tetap warganegara. Walau bagaimanapun, bila mana bapa warganegara tetapi ibunya bukan warganegara dan perkahwinan tidak didaftarkan, maka anak itu bukanlah warganegara. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, walaupun keadaan di mana perkahwinan tidak didaftarkan sebelum kelahiran anak berlaku, permohonan di bawah Perkara 15A boleh dilakukan oleh ibu bapa tersebut.

Sukacita diingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya ibu bapa atau penjaga untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal kanak-kanak bertaraf bukan warganegara sebelum kanak-kanak tersebut berumur 21 tahun bagi mengelakkan isu keberadaan yang tidak sah di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN : 6

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada projek asas keperluan penduduk luar bandar seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan air serta bantuan PBR diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus melaksanakan projek-projek asas keperluan penduduk luar bandar seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan air serta Program Bantuan Rumah (PBR) kepada masyarakat luar bandar di seluruh negara dengan peruntukan hampir RM2.6 bilion bagi tahun 2019. Kementerian telahpun mula melaksanakan pelbagai projek infrastruktur asas luar bandar pada tahun 2019 bagi manfaat seluruh masyarakat luar bandar.

Kerajaan juga komited untuk meneruskan projek infrastruktur luar bandar pada tahun 2020 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 7

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian bagi membela pelajar-pelajar yang teraniaya dalam isu penyelewengan pinjaman pendidikan PTPTN oleh mana-mana kolej swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang beroperasi di Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Akta 555) termasuklah kawalan daripada berlakunya penyelewengan atau penyalahgunaan wang.

Dalam hubungan ini, setiap aduan mengenai penyelewengan IPTS terhadap PTPTN akan disiasat dan diambil tindakan secara bersama antara Jabatan Pendidikan Tinggi dan PTPTN. Sekiranya siasatan membuktikan penyelewengan berlaku, tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan Akta 555 akan diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kemudahan pinjaman PTPTN akan ditangguhkan.

Namun begitu, usaha-usaha awal oleh KPM yang dibuat adalah dengan melaksanakan pemantauan bagi memastikan kebajikan pelajar terpelihara termasuk aktiviti pendaftaran pelajar. Setiap program yang dijalankan oleh IPTS perlu mendapat kelulusan Ketua Pendaftar yang turut mencakupi jumlah yuran kursus pengajian yang diluluskan. Justeru, sekiranya IPTS melanggar syarat-syarat kelulusan kursus pengajian seperti mengenakan yuran melebihi kadar yang telah diluluskan ke atas pelajar oleh Ketua Pendaftar, KPM akan mengenakan tindakan ke atas IPTS di bawah Seksyen 40(2), Akta 555 termasuk membatalkan kelulusan kursus pengajian berkenaan.

Sekian, terima kasih

RJM 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah sebenarnya status ekonomi Malaysia yang terkini. Adakah ekonomi Malaysia sedang mengalami kemerosotan atau perkembangan. Jelaskan dan perincikan sektor mana yang mengalami kemerosotan dan yang mana mencapai perkembangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyederhanaan dalam aktiviti ekonomi dunia dan rakan dagangan utama seperti Amerika Syarikat dan China serta ketegangan perdagangan antara dua negara ini telah memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2018. Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah menyederhana pada kadar 4.7% pada tahun 2018 selepas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.9% pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, iaitu pada kadar purata antara 4.5% hingga 5.5% bagi tempoh 2018-2020.
2. Pertumbuhan pada tahun 2018 telah didorong oleh permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta yang meningkat sebanyak 8.1% dan pelaburan swasta yang berkembang sebanyak 4.5%. Di samping itu, pertumbuhan juga disokong oleh sektor luaran berikutan ekonomi negara yang masih berdaya tahan dan tidak terlalu bergantung kepada mana-mana komoditi dan juga pasaran eksport. Kadar pengangguran terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu di bawah 4%. Kedudukan inflasi juga terus terkawal iaitu pada kadar 1% sahaja pada tahun 2018 berbanding 3.7% pada tahun 2017. Kadar inflasi ini merupakan yang terendah sejak tahun 2010, hasil daripada langkah-langkah penyesuaian fiskal dan kewangan serta pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dari segi pengeluaran pula, pertumbuhan dipacu oleh peningkatan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang berkembang masing-masing sebanyak 6.8% dan 5%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian dan perlombongan telah menguncup pada tahun 2018. Penguncupan pengeluaran bagi sektor pertanian berlaku akibat faktor cuaca dan harga komoditi yang rendah, terutamanya bagi getah dan kelapa sawit. Bagi

sektor perlombongan pula, pengeluaran telah terjejas berikutan terdapat gangguan bekalan gas asli akibat daripada penutupan loji pengeluaran di Sabah dan Sarawak bagi tujuan penyenggaraan.

4. Sementara itu, sektor pembinaan masih menyumbang secara positif dengan pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur di bawah aktiviti kejuruteraan awam. Kerajaan yakin bahawa kesan penyederhanaan pertumbuhan ekonomi ini adalah bersifat sementara dan dijangka akan berkembang pada kadar 4.9% pada tahun 2019.
5. Jangkaan ini turut disokong dengan keyakinan agensi kredit antarabangsa seperti *Fitch Ratings* yang mengesahkan pengekalan kredit Kerajaan Malaysia pada tahap A- dengan tinjauan yang stabil pada masa hadapan. Di samping itu, pelbagai agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF serta agensi penarafan seperti *Fitch Ratings* dan *Moody's* juga turut menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar antara 4.5% hingga 5%. Unjuran ini adalah selaras dengan perkembangan ekonomi global dan serantau.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
25 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN
GHAZALI [BAGAN SERAI]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah Kementerian mempunyai data kesan aktiviti promosi kadar pencemaran plastik sejak seluruh dunia termasuk Malaysia aktif mempromosikan kesan pencemaran plastik dan penggunaan plastik pakai buang terhadap manusia dan kehidupan laut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut satu laporan 2018 oleh *United Nations Environment Programme* (UNEP) bertajuk *Single-Use Plastic: A Roadmap for Sustainability*, terdapat negara-negara yang telah mengambil langkah drastik dengan mengharamkan penggunaan beg plastik tetapi tidak berjaya kerana kesukaran penguatkuasaan. Dengan itu, isu pencemaran plastik ini perlu ditangani melalui pendekatan yang holistik dengan mengambil kira kepentingan awam, industri plastik dan kelestarian alam sekitar.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics*, 2018-2030 telah dilancarkan pada 17 Oktober 2018. Kementerian dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta agensi dan badan berkaitan juga sedang giat menjalankan program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) mengenai kaedah mengurangkan penggunaan produk plastik sekali guna termasuk di semua agensi kerajaan persekutuan dan negeri. Satu Surat Pekeliling Am mengenai Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna Di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri juga telah disediakan sebagai panduan.
3. Bagi memastikan keberkesanan kempen dan promosi pengurangan plastik sekali guna, Kementerian pada setiap tahun akan menjalankan penilaian dan survei terhadap impak aktiviti dan promosi yang diadakan di Malaysia. Selain itu, Kajian separuh penggal (*mid term review*) *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics* ini akan dilaksanakan pada tahun 2023.
4. Pada masa yang sama adalah diperhatikan sejak pelancaran *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics*, pelbagai pihak telah mula menyahut dan memulakan inisiatif sendiri seperti restoran makanan segera yang telah menggantikan cawan plastik kepada cawan kertas dan hanya menyediakan straw sekiranya diminta.

SOALAN TAMBAHAN : NO 9

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN TAMBAHAN

SESI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

TARIKH : 25 MAC 2019
NO.SOALAN : 9
DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

SOALAN TAMBAHAN

YB Bagan Serai: Sejauh mana implikasi kempen 3R's (*Reduce, Reuse, Recycle*), langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran tentang pencemaran plastik, kajian pencemaran plastik serta kajian teknologi baru kepada pengilang-pengilang plastik.

JAWAPAN

1. Matlamat utama Kerajaan dalam *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics*, 2018-2030 adalah bagi mengurangkan penggunaan produk plastik sekali guna ke arah persekitaran yang bersih dan sihat menjelang 2030. Kementerian juga mengambil maklum akan pencapaian Kempen 3R yang kurang memberangsangkan seperti mana yang dilaporkan oleh pihak media terutamanya media cetak.
2. Oleh itu, di bawah rangka kerja *Roadmap* ini, Kementerian juga akan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta agensi dan badan berkaitan termasuk di semua agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk sama-sama membantu menjalankan program *communication, education and public awareness* (CEPA) mengenai kempen 3R supaya kesedaran terhadap pencemaran plastik sekali guna dapat dipertingkatkan.
3. Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau), sebuah agensi di bawah Kementerian ini juga menjalankan program-program kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar dari semasa ke semasa yang melibatkan golongan pelajar. Selain itu, Kementerian turut akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan seperti *United Nations Environmental Programme* (UNEP), agensi-agensi tempatan seperti KPKT dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk mendapatkan data global dan tempatan bagi melihat kesan pengurangan penggunaan plastik sekali guna di peringkat global dan tempatan.
4. Sebagai langkah meningkatkan kesedaran tentang pencemaran plastik sekali guna, satu Surat Pekeliling Am mengenai Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna Di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha Negara. Surat Pekeliling Am yang berkuat kuasa pada

SOALAN TAMBAHAN : NO 9

19 Mac 2019 ini telah pun diedarkan kepada semua kementerian, agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk diguna pakai.

5. Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am ini, Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri digalakkan untuk mengadakan kempen-kempen seperti tiada lagi penggunaan produk-produk plastik sekali guna di dalam mesyuarat, majlis dan acara rasmi Kerajaan ke arah sifar penggunaan plastik sekali guna bagi mencapai persekitaran yang bersih dan sihat menjelang tahun 2030.
6. Selain meningkatkan kesedaran tentang pencemaran plastik sekali guna, pelbagai aktiviti kempen kesedaran juga boleh dijalankan di peringkat kementerian dan organisasi berkaitan, seperti membawa bekas makanan mesra alam semasa membeli makanan. Pihak swasta juga dialu-alukan untuk turut serta dalam kempen menghindari penggunaan plastik sekali guna ini.
7. Secara kolektifnya, dengan pelbagai aktiviti dan usaha yang dijalankan oleh pelbagai agensi kerajaan, universiti, NGO dan lain-lain pihak berkaitan isu pencemaran plastik sekali guna ini, pihak Kementerian percaya bahawa kesedaran berkaitan perkara ini semakin meningkat.
8. Terdapat kajian-kajian mengenai pencemaran plastik yang dijalankan di peringkat antarabangsa. Menurut satu kajian saintifik yang diterbitkan di jurnal Science pada tahun 2015, Malaysia berada di tangga ke-8 dalam pencemaran sisa plastik yang tidak diurus (*mismanaged plastic*). Menurut kajian tersebut, Malaysia menghasilkan 0.94 juta tan sampah sisa plastik atau 13% daripada keseluruhan jumlah sampah.
9. Selain itu, kajian oleh Prof. Kim Seung-Kyu dari Incheon National University dan Greenpeace East Asia yang diterbitkan dalam jurnal Environmental Science & Technology pada tahun 2018 mendapati bahawa daripada 90 peratus garam masakan, terutamanya jenis garam laut turut mengandungi mikroplastik. Sebanyak 39 jenama

SOALAN TAMBAHAN : NO 9

garam daripada 21 negara di seluruh dunia termasuk Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam telah dianalisis bagi tujuan kajian ini.

10. Kedua-dua kajian ini memberikan petunjuk atau gambaran tentang betapa seriusnya isu pencemaran sisa plastik bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia, dan ia akan menjejaskan kehidupan serta kesihatan manusia.
11. Bagi menggalakkan kajian baru kepada pengilang-pengilang plastik, Kementerian akan membiayai penyelidikan dalam membangunkan resin berasaskan bahan mentah tempatan untuk kegunaan pengilang plastik. Walau bagaimanapun, rancangan pembiayaan ini masih lagi sedang dalam tindakan pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

SOALAN TAMBAHAN : NO 9

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN TAMBAHAN

SESI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,

ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

PERTANYAAN : SESI JAWAB LISAN (SOALAN NO.9)
TARIKH : 25 MAC 2019
DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]

SOALAN TAMBAHAN

YB Parit: Berhubungan program khusus yang dirancang oleh Kementerian kepada rakyat menggunakan beg serba guna atau beg kitar semula berbanding plastik dalam kehidupan seharian. Juga usaha-usaha penggalakan oleh pihak Kementerian kepada pengilang-pengilang plastik bagi menukar produk plastik biasa kepada plastik *biodegradable*.

JAWAPAN

1. Di bawah *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics* 2018-2030, Kementerian telah memperkenalkan *polluter pays principle* di mana semua kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan akan mengenakan caj pencemaran dengan nilai minimum 20 sen bagi setiap helaian beg plastik yang diberikan kepada pengguna di kaunter perniagaan premis tetap.
2. Dalam tempoh fasa pertama *Roadmap* iaitu sehingga 2021, kerajaan negeri diberi kebebasan untuk menetapkan tarikh mereka akan mula mengenakan caj pencemaran ini. Pengenaan caj pencemaran ini akan diperluaskan kepada semua premis perniagaan tidak tetap semasa pelaksanaan fasa kedua iaitu bermula tahun 2022 hingga 2025.
3. Caj pencemaran ini adalah satu kaedah untuk mencegah pengguna mengambil beg plastik dan mula membawa beg serba guna atau beg kitar semula sebagai ganti.
4. Antara usaha penggalakan oleh Kerajaan kepada pengilang-pengilang plastik ke arah menangani pencemaran sisa plastik dan menarik pelaburan dalam aktiviti yang mesra alam ialah penawaran insentif Taraf Perintis sebanyak 70% atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% untuk tempoh 5 tahun bagi syarikat yang menghasilkan plastik mesra alam berasaskan bio-resin dan bio-polimer. Melalui insentif ini, pengilang-pengilang plastik digalakkan untuk menukar produk plastik biasa kepada plastik *biodegradable*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN
[KEPALA BATAS] BN – UMNO**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci isu-isu teras sosio ekonomi yang akan diberikan perhatian khusus oleh Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN). Jangka masa impak dan kesan positif segala cadangan MTEN.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT] PAS**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah segera yang akan diambil bagi menangani kos sara hidup rakyat susulan pembentukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama pertanyaan lain yang berkaitan dengan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi yang turut diutarakan oleh **Yang Berhormat Tumpat** bertarikh 25 Mac 2019, Soalan no. 14.
2. Seperti mana Ahli Yang Berhormat ambil maklum, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (dengan izin *Economic Action Council* atau (EAC)) pada 11 Februari 2019 berdasarkan situasi semasa dan sebagai respon untuk menangani masalah mendesak yang melibatkan kepentingan sosioekonomi rakyat. EAC akan meneliti dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi, kewangan, serta kebajikan rakyat.
3. EAC juga berperanan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan daripada semua kelompok pemegang taruh termasuk pakar-pakar daripada pelbagai bidang di luar Kerajaan. Kombinasi input serta pandangan swasta dan Kerajaan akan membolehkan satu penyelesaian yang holistik seterusnya akan memberi manfaat yang optimum kepada rakyat.
4. Matlamat utama EAC adalah untuk merencanakan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. EAC akan memberi tumpuan khusus kepada isu-isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan rumah. EAC adalah suatu badan yang bersifat *action-oriented* dalam menyelesaikan isu tersebut.
5. Mesyuarat EAC yang pertama telah diadakan pada 20 Mac 2019. Antara perkara yang diketengahkan dalam mesyuarat tersebut adalah berhubung dengan pendekatan menyeluruh menangani

kos sara hidup termasuklah pelaksanaan keputusan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

6. Mesyuarat tersebut juga telah mendapatkan cadangan dan maklum balas daripada Ahli-Ahli Majlis untuk menangani isu kos sara hidup, meningkatkan produktiviti dan kuasa beli rakyat serta menambahbaik taraf hidup isi rumah B40. Kerajaan akan meneliti semua cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli Majlis dan cadangan-cadangan yang bersesuaian akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan segera.
7. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh YB Tumpat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kenaikan kos sara hidup sememangnya perlu ditangani secara efektif bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Di antara langkah-langkah segera yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menangani isu dan cabaran berkaitan dengan kenaikan kos sara hidup NACCOL dan EAC adalah seperti berikut;

Pertama: dalam konteks pengangkutan awam contohnya, Kerajaan telah menawarkan Pas Perjalanan Tanpa Had MY100 dan MY50 mulai 1 Januari 2019 dan diskaun sebanyak 20% tambang Keretapi Tanah Melayu (KTM) Komuter bermula 1 April 2019 kepada semua warganegara Malaysia.

Kedua: memperluaskan program *Food Bank Malaysia* di bawah seliaan KPDNHEP ke semua Institusi Pengajian Tinggi menerusi Yayasan Foodbank Malaysia.

Ketiga: menambah baik Bantuan Sara Hidup (BSH) supaya lebih bersasar dalam menjamin kebajikan dan kualiti hidup isi rumah B40.

Keempat: penetapan harga siling petrol RON95 pada RM2.08 seliter. Ini bermakna harga runcit RON95 akan dihadkan kepada

RM2.08 seliter walaupun harga minyak dunia meningkat lebih daripada itu.

Kelima: pelaksanaan Skim Perlindungan Kesihatan (PeKa) bagi B40 berumur 50 tahun ke atas dan yang layak menerima BSH oleh Kementerian Kesihatan.

Keenam: Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Menteri bagi mengkaji semula Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Bekalan yang dipengerusikan oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Jawatankuasa ini akan mengenal pasti perjanjian konsesi perkhidmatan dan bekalan yang bersifat monopoli serta merancang perubahan dasar dan strategi yang bersesuaian. Usaha ini adalah untuk mencipta pasaran yang lebih efektif yang mesra pasaran dan berdaya saing.

8. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan langkah-langkah segera ini akan dapat membantu rakyat mendepani isu terutama yang berkaitan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

25 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN : 11

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kerajaan akan terus memberi kuasa kepada agensi Kerajaan seperti FELCRA dan Giat MARA melantik kontraktor-kontraktor yang sedia ada dalam senarai mereka tanpa pengetahuan Wakil Rakyat di setiap Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, GIATMARA melaksanakan proses lantikan kontraktor mengikut prosedur perolehan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Manakala bagi FELCRA yang merupakan sebuah Syarikat Milik Kerajaan (GOC), semua perolehan kerja, bekalan atau perkhidmatan kepada kontraktor-kontraktor adalah mengikut Manual Perolehan FELCRA Berhad Pindaan 2013 yang diluluskan Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad. Pelantikan kontraktor juga adalah dibawah seliaan Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad yang ahlinya turut dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Di samping itu, buat masa ini, tiada sebarang peraturan yang menetapkan mengenai keperluan untuk memaklumkan mana-mana kontraktor yang berjaya kepada pihak ketiga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 12

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Hulu Rajang yang telah dipilih untuk menerima peruntukan membaik pulih sebanyak RM100 juta dari Kementerian Pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan pembangunan *Rolling Plan* Ke-4 (Tahun 2019), Rancangan Malaysia Ke-11, terdapat dua (2) buah sekolah di bawah Parlimen Hulu Rajang telah disenaraikan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan sekolah daif di negeri Sarawak. Dua (2) buah sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Long Gang dan Sekolah Kebangsaan Nanga Sempili. Untuk makluman, pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan semula bilik darjah dan kemudahan lain yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 13 :

Puan Rusnah Binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kerajaan untuk meneliti semula birokrasi yang terdapat dalam setiap permohonan bantuan kebajikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah meneliti beberapa langkah untuk penambahbaikan perkhidmatan bantuan JKM dan mengurangkan birokrasi, antaranya:

- (i) Transformasi terhadap prosedur kerja bagi penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan bulanan melalui kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) atau *Business Process Re-engineering* (BPR). Pelaksanaan proses dan prosedur kerja yang baru ini berupaya mempercepatkan proses penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan di mana tempoh kelulusan dan pemberian bantuan kebajikan telah dipendekkan dari dua (2) bulan kepada satu (1) minggu untuk kes-kes yang *clear cut* seperti OKU fizikal yang memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta permohonan yang mempunyai dokumen lengkap yang mana lawatan ke rumah klien tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta-merta. Transformasi ini telah dilaksanakan bermula pada 1 Julai 2018;
- (ii) Borang Permohonan Perkhidmatan Bantuan JKM yang lebih mesra pengguna iaitu pindaan daripada sembilan (9) muka surat kepada tiga (3) muka surat tanpa perlu kepada tandatangan saksi; dan
- (iii) JKM mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Permohonan Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan antara objektifnya adalah untuk memudahkan prosedur permohonan yang tidak lagi perlu menggunakan kaedah perolehan kerajaan. Bantuan alat tiruan / alat sokongan akan dimasukkan ke dalam akaun klien (melalui EFT) dan klien menguruskan sendiri pembelian dengan pembekal yang dipilih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHAN FOONG HIN**
[KOTA KINABALU]
TARIKH : **25 MAC 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dalam skim Large-Scale Solar 3 (LSS3) yang dianggarkan bernilai sehingga RM2 billion, sama ada Sabah terlibat dalam LSS3 tersebut. Kalau tidak, apakah mekanisme untuk kemajuan industri Tenaga Diperbaharui (*Renewable Energy*) di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program *Large Scale Solar 3* (LSS3) telah dibuka untuk bidaan kompetitif pada 27 Februari 2019. Kuota sebanyak 500 Megawatt (MW) telah ditawarkan serta terhad bagi Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak dibuka untuk negeri Sabah.
2. Walaubagaimanapun, pemaju-pemaju projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) di Sabah masih boleh melaksanakan projek-projek TBB melalui mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) bagi sumber biojisim, biogas dan janakuasa hidro kecil, tertakluk kepada ketersediaan kuota bagi sumber-sumber tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 16

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik mengikut pecahan negeri bagi murid yang layak untuk memanfaatkan program bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi tahun 2019 dan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula kriteria pemilihan yang ditetapkan daripada kumpulan miskin tegar kepada miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan termasuklah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kepada murid daripada keluarga miskin dan golongan yang berpendapatan rendah di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pelaksanaan RMT diteruskan oleh KPM bermula pada hari pertama persekolahan tahun 2019 bagi murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2016. Bagi murid Tahun 1 dan murid cicir, pemberian RMT bagi murid yang layak akan dilaksanakan bermula Februari 2019.

Sehingga 1 Februari 2019, seramai 467,203 murid sekolah rendah yang melibatkan 7,065 buah sekolah di seluruh negara akan menerima manfaat daripada program RMT. Daripada keseluruhan murid tersebut, seramai 4,422 (Perlis), 39,674 (Kedah), 8,737 (Pulau Pinang), 34,716 (Perak), 26,290 (Selangor), 3,536 (WP Kuala Lumpur), 350 (WP Putrajaya), 8,089 (Negeri Sembilan), 7,279 (Melaka), 22,191 (Johor), 29,298 (Pahang), 30,885 (Terengganu), 64,195 (Kelantan), 64,551 (Sarawak), 122,102 (Sabah), dan 888 (WP Labuan).

Bilangan penerima dijangka akan meningkat pada tahun hadapan apabila kriteria penerima akan dilihat berdasarkan Garis Kemiskinan Nasional (PGK) 2016 yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri pada tahun ini.

Sekian, terima kasih

RJM 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang telah dan bakal diambil oleh Kementerian dalam mewujudkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mesra peniaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa proaktif dalam memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar dapat memberikan perkhidmatan yang mesra kepada orang awam termasuk para peniaga. Antara langkah yang telah diambil oleh KPKT untuk mewujudkan PBT yang mesra peniaga adalah dengan menambah baik dasar dan perundangan, memperkemas sistem dan proses kerja pelesenan PBT dan melalui pelbagai program yang dilaksanakan oleh PBT masing-masing.

2. Dari aspek dasar dan perundangan, KPKT sentiasa mengeluarkan Garis panduan yang seragam untuk diguna pakai oleh PBT seperti Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan, Garis Panduan Pengurusan Bazar Ramadan (Edisi Kedua), masing-masing pada tahun 2016 dan Garis Panduan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) Tahun 2018. KPKT sedang menyediakan Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam / Pasar Harian / Pasar Tani di Kawasan PBT. Garis panduan ini bertujuan untuk menambah baik pengurusan pasar ke arah yang lebih terurus, bersih, selesa, mesra alam dan sesuai dengan masyarakat majmuk, mewujudkan persekitaran pasar malam / pasar harian / pasar tani yang selamat dan bebas daripada sebarang risiko persekitaran serta untuk memudahkan PBT melaksanakan aktiviti penguatkuasaan.

3. Selain itu, proses dan sistem kerja berkaitan permohonan pelesenan di PBT sentiasa diperkemas. Sebagai contoh tempoh kelulusan lesen tidak berisiko telah dipendekkan dan terdapat lesen premis yang dikeluarkan serta-merta oleh PBT seperti lesen premis kedai gunting rambut.

4. Bagi memudahkan rakyat menjalankan perniagaan dan berurusan dengan PBT, KPKT juga bekerjasama dengan agensi seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Malaysian Productivity Corporation (MPC) dan lain-lain bagi menyediakan sistem yang mesra peniaga seperti Business Licensing Electronic Support System (BLESS) untuk memudahkan orang ramai mendapat maklumat mengenai pelesenan di PBT. Melalui portal e-PBT, KPKT menyediakan sistem dalam talian yang memudahkan peniaga membuat permohonan dan pembayaran lesen yang dikeluarkan oleh PBT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 25 MAC 2019 | ISNIN

SOALAN :

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan hendak mewajibkan semua pengendalian umrah hanya dibuat oleh Tabung Haji.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada Lembaga Tabung Haji (**TH**) untuk mengendalikan semua jemaah umrah Malaysia.

Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) jelas menyatakan bahawa fungsi Lembaga Tabung Haji adalah terhad kepada pengurusan dan pentadbiran segala urusan berkaitan ibadat haji sahaja bagi jemaah negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadah umrah boleh menggunakan perkhidmatan dan pakej umrah ditawarkan oleh agensi / syarikat pengendali umrah yang dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)
SOALAN NO.19 :

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pelan dan langkah-langkah Kementerian dalam membantu kanak-kanak autisme di seluruh negara

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan dan program pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia yang meliputi semua kategori OKU termasuk autisme adalah berteraskan kepada Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini bagi membantu kanak-kanak autisme adalah:

i. Melaksanakan Kempen Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU)

Kempen pendaftaran OKU dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun di seluruh negara bagi tujuan merangka program dan aktiviti bersesuaian kepada OKU termasuk autisme. Seramai **21,287 orang autistik** telah berdaftar dengan JKM sehingga 31 Disember 2018.

ii. Menyediakan Perkhidmatan TASKA OKU

Kerajaan telah menubuhkan **6 buah TASKA OKU** sebagai projek perintis bagi kanak-kanak OKU termasuk untuk kanak-kanak autisme iaitu **Taska Autisme, di Sibul, Sarawak**.

iii. Menawarkan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pada ketika ini terdapat **554 buah PDK di seluruh negara**. Program ini merupakan strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU. Sehingga 31 Disember 2018, seramai **20,573 OKU** termasuk autisme menerima perkhidmatan di semua PDK.

iv. Menawarkan Perkhidmatan Institusi (Taman Sinar Harapan)

Taman Sinar Harapan memberikan perkhidmatan penjagaan, pemulihan dan perlindungan kepada OKU masalah pembelajaran berdasarkan kepada kategori umur dan tahap kurang upaya yang dihadapi. **Sehingga 31 Disember 2018, seramai 685 OKU masalah pembelajaran termasuk autisme yang telah berdaftar.**

v. Bantuan Kewangan Bagi NGO OKU berkaitan autisme

Pada tahun 2018, JKM menyalurkan bantuan kewangan Kerajaan kepada Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) sebanyak RM681,800.00 untuk perbelanjaan bagi urusan pentadbiran, makan minum kanak-kanak pusat jagaan harian, Elaun Khas Murid OKU dan Sagu hati Sukarelawan.

vi. Penglibatan Pegawai JKM Dalam Program Advokasi

Pegawai JKM turut terlibat sebagai penceramah atau ahli panel dalam pelbagai program anjuran agensi kerajaan dan NGO bagi menyebarkan maklumat berkaitan autisme selain perkhidmatan yang disediakan.

vii. Penyebaran Maklumat Autisme Melalui Media Massa

JKM sentiasa bekerjasama dengan pihak penyiaran seperti di televisyen dan radio dalam penyebaran maklumat berkaitan OKU termasuk autisme.

viii. Autisme Mapping Project

ASEAN Senior Officials on Social Welfare & Development (SOMSWD) melalui ASEAN Secretariat (ASEC) dan pelaksana Asia-Pacific Development Center on Disability (APCD) telah bersetuju untuk melaksanakan *country profile* berkaitan autisme di semua negara ASEAN termasuk Malaysia. Kementerian sedang dalam proses mengemas kini dan memurnikan pengumpulan data sedia ada daripada kementerian/agensi dan NGO berkaitan autisme di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan ekonomi Malaysia telah berkembang pada akhir 2017 di mana keluaran dalam negara kasar (GDP) telah berkembang kepada 1.353 trillion daripada 1.231 trillion pada tahun 2016. Berapakah nilai berkembangnya GDP pada akhir tahun 2018. Adakah Kerajaan yakin GDP pada tahun 2019 akan terus meningkat dan apakah langkah untuk menentukan peningkatan tersebut berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) bagi tahun 2018 berkembang sebanyak 4.7% pada harga malar, iaitu jika dinilai pada harga semasa meningkat kepada RM1.43 trilion pada tahun 2018 berbanding RM1.35 trilion pada tahun 2017. Peningkatan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Pertumbuhan yang dicapai ini masih berada dalam lingkungan pertumbuhan yang disasarkan, iaitu di antara 4.5% hingga 5.5% setahun bagi tempoh 2018-2020.
2. Bagi tahun 2019, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana disebabkan oleh faktor luaran yang semakin mencabar. Antara cabaran tersebut ialah penutupan sementara operasi pentadbiran Amerika Syarikat yang dijangka akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi dunia bagi suku pertama 2019, ketidakpastian dasar monetari Amerika Syarikat, kesan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan serta ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih belum berakhir.
3. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4.9%, disokong oleh pertumbuhan domestik terutamanya permintaan sektor swasta yang kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta dianggar berkembang 6.8%, manakala pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 5% pada 2019. Dalam masa yang sama, kesemua sektor ekonomi utama turut dijangka mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dianggarkan meningkat sebanyak 5.9% dan pembuatan sebanyak 4.7%. Kedua-dua sektor ini kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara iaitu dalam lingkungan 78.7% berbanding KDNK.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, angka yang dinyatakan ini merupakan unjuran KDNK yang telah dibentangkan semasa Bajet 2019 pada Oktober yang lalu. Unjuran terkini akan diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada hari Rabu, 27 Mac 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pengukuhan asas ekonomi berlandaskan inovasi, kreativiti dan aktiviti nilai ditambah tinggi ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saing industri. Kerajaan juga menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks. Peralihan ini secara tidak langsung akan dapat menyediakan peluang pekerjaan dengan kadar gaji dan upah yang lebih tinggi kepada rakyat. Selain itu, Kerajaan juga terus menggalakkan pelaburan berkualiti daripada sektor swasta dengan menyemak semula pemberian insentif sedia ada.
6. Bagi meningkatkan eksport sektor komoditi, Kerajaan akan terus meneroka dan mengembangkan pasaran bagi minyak sawit terutamanya negara China dan India. Baru-baru ini syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir AS\$900 juta bagi membekal 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Kerajaan juga akan mengambil peluang untuk mengembangkan pasaran minyak sawit di India berikutan langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45%. Langkah ini dijangka akan memberi kesan positif kepada industri sawit Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
25 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan bagi membangun dan memajukan tanah-tanah wakaf:-

- (a) apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam pembangunan tanah-tanah wakaf; dan
- (b) jika Kementerian bercadang membangunkan Rumah Mampu Milik di tanah-tanah wakaf, nyatakan prinsip pembangunan dan status pemilikan tanah-tanah tersebut selepas tempoh pajakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN (A)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam pembangunan tanah-tanah wakaf adalah seperti berikut:

- i) **Sumber kewangan/dana yang terhad dalam memajukan tanah wakaf.**

Dana yang tidak mencukupi bagi sesuatu projek akan **membantutkan proses pemajuan hartanah yang dirancang**. Oleh itu, institusi wakaf yang kukuh akan menjadi pusat pengumpulan dana serta menjalankan pelaburan untuk memperoleh sumber kewangan bagi menampung kos yang diperlukan dalam membangunkan kediaman hartanah dan rumah mampu milik di atas tanah wakaf.

- ii) **Tiada tatacara dan perundangan yang jelas dalam pemajuan hartanah di atas tanah wakaf.**

Perundangan yang ada pada masa ini hanya untuk pemajuan perumahan dan hartanah dan tidak meliputi pemajuan di atas tanah wakaf. Ini kerana pemilikan untuk hartanah wakaf adalah secara pajakan. Sekiranya tiada perundangan, tatacara dan prosedur khas untuk pemajuan di atas tanah wakaf, **dikhuatiri akan berlaku kepincangan dalam pengurusan harta wakaf, di samping ketiadaan kawalan, pemantauan dan perlindungan kepada pemegang amanah serta penerima pajakan.**

- iii) **Prosedur pembangunan tanah wakaf yang tidak seragam di setiap negeri kerana setiap negeri mempunyai Enakmen yang berbeza.**

Setiap negeri mempunyai pemakaian **enakmen wakaf yang berbeza** dan tidak diperjelaskan dengan terperinci kaedah pelaksanaannya terutama bagi pembangunan di atas tanah wakaf. Justeru, pengurusan tanah wakaf **tidak dapat diselaraskan dan tidak dapat diurus dengan baik**. Malah **bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)** yang menjalankan tanggungjawab pengurusan tanah wakaf juga **tidak begitu jelas** menyebabkan pengurusan wakaf dilaksanakan secara **sambilan dan tidak terfokus**.

- iv) **Tiada institusi wakaf untuk melaksanakan pemusatan maklumat dan mewujudkan pangkalan data mengenai tanah wakaf.**

Ketiadaan satu institusi khas untuk pemajuan tanah wakaf menyebabkan **tiadanya koordinasi yang strategik** dalam pembangunan hartanah di atas tanah wakaf. Ketiadaan institusi khas ini juga menyebabkan **tiada pangkalan data** yang khusus dibangunkan untuk menyimpan rekod dan maklumat mengenai tanah wakaf. Ketiadaan sistem data ini boleh memberi kesan seperti **kelewatan dalam proses pemajuan** tanah wakaf, **pencerobohan** oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan menyebabkan **tanah wakaf terus terbiar**.

- v) **Kekurangan bank yang boleh memberi pinjaman pembiayaan kepada pemaju dan pembeli.**

Kesediaan bank komersial untuk memberi **kemudahan pembiayaan (*bridging loan*)** kepada pemaju untuk membina hartanah di atas tanah wakaf **masih terhad**. Kekurangan sokongan bank ini menyebabkan **hanya pemaju yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh sahaja** dapat membina hartanah di atas tanah wakaf. Malah pembangunan hartanah di atas tanah wakaf juga **terhad pada skala yang kecil**. Selain itu, **tidak banyak bank yang bersedia untuk memberi pembiayaan akhir secara pajakan** kepada pembeli pajakan bagi hartanah di atas tanah wakaf.

SOALAN (B)

1. Setelah mengambil kira cabaran dan kekangan yang dihadapi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kajian yang terperinci bagi melihat kaedah yang terbaik dan berlandaskan syariah bagi pelaksanaan pembangunan rumah mampu milik di atas tanah wakaf. Berdasarkan model pembangunan hartanah wakaf di Pulau Pinang iaitu Tanah Wakaf Seetee Aishah, adalah dicadangkan agar prinsip pembangunan perumahan di atas tanah wakaf mengambil kira prinsip seperti berikut:

- i) Tanah wakaf tetap menjadi milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah;
- ii) Penjualan kepada pembeli hendaklah mengikut kaedah pajakan iaitu menggunakan Borang 15A (Seksyen 221 – Kanun Tanah Negara);

- iii) MAIN sebagai pemberi pajakan (**lessor**) boleh memberi pajakan selama 99 tahun kepada penerima pajakan (**lessee**) tanah tersebut;
- iv) Selepas tamat tempoh pajakan, tanah dikembalikan kepada pemberi pajakan (MAIN);
- v) Penerima Pajakan boleh memohon perlanjutan tempoh pajakan selepas tamat tempoh; dan
- vi) pembiayaan pinjaman adalah berasaskan konsep **Al-Ijarah** atau konsep lain yang **diharuskan oleh hukum Syara' dan diluluskan oleh MAIN**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN : 22

**Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highlands] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan susulan atau
perkembangan terbaharu mengenai kes arwah Adib.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kematian Allahyarham Muhamad Adib bin Mohd Kassim masih dalam
proses Inkues di Mahkamah Koroner Shah Alam yang bermula pada 11
hingga 28 Februari 2019 dan pada 1,4,5 Mac 2019 serta akan
bersambung pada tarikh-tarikh berikut:

- i. 19 hingga 29 Mac 2019
- ii. 1 hingga 11 April 2019

Selain siasatan melibatkan Muhamad Adib, PDRM juga telah membuka
46 kertas siasatan berhubung Insiden yang berlaku di Kuil Sri Maha
Mariamman, Jalan USJ 25/1, Subang Jaya, Selangor dengan membuat
tangkapan seramai 39 orang. Tujuh (7) individu telah dituduh di
Mahkamah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada cadangan untuk memperkenalkan suatu akta yang dapat memberi perlindungan hak-hak pemilik dan penyewa rumah/hartanah memandangkan akta-akta yang sedia ada adalah tidak memadai untuk melindungi hak-hak kedua-dua belah pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang khas berkaitan penyewaan kediaman masih belum wujud di Malaysia. Undang-undang sedia ada seperti Kanun Tanah Negara, Akta Kontrak 1950, Akta Specific Relief 1950 dan beberapa akta lain dilihat terlalu umum dalam menangani isu penyewaan dan peruntukan perlindungan kepada penyewa dan pemilik rumah. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang mengkaji dan merangka Akta Sewaan Kediaman atau Residential Tenancy Act (RTA) untuk menyediakan perundangan khusus bagi penyewa dan pemilik rumah kediaman. Matlamat Akta Sewaan Kediaman ini adalah untuk menangani isu-isu penyewaan dan memberi perlindungan/hak kepada penyewa dan tuan rumah.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, skop yang akan dirangka di dalam Akta Sewaan Kediaman meliputi perkara-perkara berikut:

- i) Pelaksanaan Akta;
- ii) Syarat-syarat sewaan kediaman;
- iii) Hak dan tanggungjawab tuan rumah dan penyewa;
- iv) Transaksi penukaran tuan rumah atau penyewa;
- v) Penamatan perjanjian;
- vi) Pemulihan kediaman;
- vii) Bon sewaan;
- viii) Tribunal/ penyelesaian pertikaian;
- ix) Penguatkuasaan; dan
- x) Data sewaan kediaman bersepadu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN : 24

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai daripada pembuli media sosial yang menghina Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong dikenakan tindakan siasatan dan dihukum serta dari kaum manakah yang banyak membuat kenyataan berunsur hasutan atau mengeluarkan kata-kata berbaur kebencian, penghinaan, atau kecaman terhadap Nabi Muhammad dan agama Islam khususnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2012 sehingga 15 Mac 2019, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyiasat 95 kes pembuli media sosial yang menghina Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertuan Agong. Daripada jumlah tersebut 8 individu telah dituduh di Mahkamah. Bagi kes penghinaan terhadap Agama Islam dan Nabi Muhammad sebanyak 53 kes telah disiasat dan daripada jumlah tersebut 8 individu telah dituduh di Mahkamah.

Statistik tangkapan terhadap individu yang membuat kenyataan berbaur kebencian dan penghinaan pada tahun 2019 mengikut pecahan bangsa seperti berikut:-

- i) Melayu - 2 orang;
- ii) Cina - 11 orang;
- iii) India - 8 orang; dan
- iv) Lain-lain - 2 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah ianya memberi kesan kepada hasil Kerajaan Persekutuan selepas Kerajaan Negeri Sarawak mengenakan cukai jualan negeri sebanyak 5% ke atas produk petroleum. Berapakah pendapatan yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri setiap tahun dengan berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019 Kerajaan Negeri Sarawak telah mengenakan cukai jualan ke atas produk petroleum tertentu sepertimana yang disenaraikan dalam *The State Sales Tax (Taxable Goods And Rate Of Tax) (Amendment) Order 2018*.

Secara umumnya kesan secara langsung kepada hasil Kerajaan Persekutuan berikutan pengenaan cukai jualan negeri ke atas produk petroleum di Sarawak tidak dapat dijangkakan lagi buat masa ini, memandangkan cukai jualan tersebut baharu sahaja dilaksanakan. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa pengenaan cukai jualan 5% ke atas produk petroleum yang dikeluarkan di Sarawak akan memberi impak kepada pasaran produk petroleum. Ini kerana cukai tambahan akan menjadikan harga produk petroleum yang dieksport dari Sarawak menjadi lebih mahal dan kurang kompetitif berbanding dengan produk yang dikeluarkan di negeri pengeluar minyak yang lain. Kenaikan kos produk yang akan berlaku berikutan cukai tambahan ini mungkin akan turut memberi kesan kepada pengeluaran produk petroleum di negeri Sarawak.

Berhubung dengan jumlah pendapatan yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri melalui pengenaan cukai jualan negeri ini, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung perkara tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : SABRI BIN AZIT [JERAI]
TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 26

Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah tulisan Jawi buku teks sekolah menengah akan ditukar kepada tulisan rumi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan bermula dengan murid Tingkatan 1 tahun 2017, mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan buku teks dengan tulisan jawi. Penulisan buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah mengikut keperluan tajuk/tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM.

Untuk makluman, buku teks ditulis mengikut perkembangan kurikulum semasa. Sehingga kini KPM masih mengguna pakai buku teks sekolah rendah dan menengah dalam tulisan jawi dan tiada sebarang keputusan untuk menukar buku teks Pendidikan Islam sekolah menengah kepada tulisan rumi.

Sekian, terima kasih

RJM 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada BERNAS telah mengambil pendirian untuk tidak lagi menjual beras kepada pengedar beras. Kalau ya, apakah sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BERNAS masih lagi menjual beras (import dan tempatan) kepada mana-mana pemborong yang berlesen di bawah Kementerian. Selain bekalan beras daripada BERNAS, pemborong-pemborong boleh memperoleh bekalan beras daripada pengilang-pengilang padi swasta. Bekalan beras daripada BERNAS kira-kira 25 peratus daripada pasaran padi tempatan manakala baki 75 peratus daripada kilang-kilang swasta.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
KAWASAN : PENGERANG
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan menimbang semula pembinaan jalan pintasan dan menaik taraf simpang di FELDA Gugusan Adela yang mana projek ini telah disenaraikan dalam Rolling Plan Keempat RMK-11 namun dihentikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan atas alasan aliran masih lancar tetapi kawasan tersebut merupakan kawasan yang sering berlaku kemalangan akibat aliran trafik yang sibuk dan banyak kenderaan berat menggunakan jalan tersebut sebagai laluan ke RAPID Pengerang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan jalan pintasan Gugusan Adela adalah sebahagian daripada cadangan projek Membina Jejambat di FT092 termasuk menaiktaraf persimpangan di Simpang Felda Adela di dalam senarai permohonan Kerajaan Negeri Johor untuk dipertimbangkan di dalam Rolling Plan 4 (RP4), RMKe-11. Berdasarkan semakan bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (Level of Service - LOS) berada pada tahap LOS A yang mana aliran masih lancar. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan untuk membina jejambat serta menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini. Walau bagaimanapun, **Kementerian ini bersedia mempertimbangkan cadangan projek tersebut daripada pihak Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri dan sekiranya memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf kelak.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana usaha untuk menghalang kepupusan hasil tangkapan sungai dan kolam akibat daripada pelepasan spesies ikan atau hidupan yang mengancam hidupan di sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sememangnya memandang serius pemuliharaan sumber perikanan negara termasuk perikanan darat. Program pemuliharaan sumber dan penguatkuasaan telah dilaksanakan melalui Jabatan Perikanan Malaysia seperti berikut:

1. Melaksanakan program pelepasan benih ikan ke perairan umum secara berkala yang terdiri daripada pelbagai spesies ikan;
2. Membangunkan kawasan santuari ikan air tawar di perairan sungai bertujuan untuk memulihara sumber perikanan sungai daripada bahaya kepupusan;
3. Melaksanakan program kesedaran kepada orang awam tentang larangan pelepasan ikan eksotik atau bukan asli ke perairan umum; dan
4. Memperluaskan pelaksanaan program pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan di perairan sungai.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Malaysia telahewartakan Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan) 2017 di mana Bahagian VI, Kaedah 30, Subkaedah (3) telah menyebut bahawa:

- (3) Mana-mana orang tidak boleh melupuskan apa-apa ikan yang diubahsuai secara genetik, ikan eksotik atau spesies ikan yang bukan asli ke dalam mana-mana perairan sungai.

SOALAN NO : 29

Kesalahan boleh disabitkan sekiranya pelanggaran dibuat di bawah Subkaedah tersebut.

Kerjasama semua pihak khususnya Kerajaan Negeri adalah penting bagi menyokong usaha yang dilaksanakan oleh MOA. Dalam hal ini, Jabatan Perikanan Malaysia juga telah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri:

1. Menerima pakai Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan) 2017 agar dapat mencegah perbuatan yang boleh mengancam sumber perikanan darat dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan; dan
2. Meminda Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Negeri masing-masing dengan memasukkan klausa larangan membuat pelepasan atau melupuskan ikan yang diubah suai secara genetik, ikan eksotik atau spesies bukan asli ke perairan sungai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MAHDZIR KHALID
[PADANG TERAP]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 30

Y.B. DATO' SERI MAHDZIR KHALID [PADANG TERAP] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah persetujuan bersama yang dicapai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam menukarkan hutang negeri Sarawak yang berjumlah RM1 bilion bagi digunakan untuk membaik pulih sekolah daif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 20 Februari 2019, kerajaan persekutuan telah memutuskan supaya Kerajaan Negeri Sarawak membayar Balik Dana RM1 bilion ke dalam Kumpulan Wang Disatukan sebagai pembayaran hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Kemudiannya, penyaluran peruntukan bagi projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak akan dibuat di bawah Belanjawan tahunan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG
[MIRI]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan Pelabuhan Miri (Miri Port) yang sedia ada di Miri sekarang merupakan satu projek “gajah putih” Kerajaan dahulu dan ia tidak dapat menampung kapal kargo yang besar kerana dasar sungai yang terlalu cetek. Kapal kargo besar yang ditujukan ke Miri terpaksa menggunakan Pelabuhan Bintulu untuk penurunan kargo dan membabitkan kos pengangkutan yang tinggi, membebankan para peniaga dan konsumen di Miri. Oleh yang demikian, Nyatakan samada Kementerian mempunyai rancangan atau inisiatif untuk membina sebuah pelabuhan laut dalam yang baru di Miri atau mengambil langkah untuk mendalamkan laluan Pelabuhan Miri.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pelabuhan Miri merupakan pelabuhan negeri di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak yang diurus tadbir melalui Lembaga Pelabuhan Miri berdasarkan kepada Ordinan Lembaga-Lembaga Pelabuhan Sarawak 1961 (*Sarawak Port Authorities Ordinance 1961*).
2. Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina pelabuhan baru di Miri. Ini adalah mengambil kira pelabuhan-pelabuhan sedia ada di negeri Sarawak di antaranya Pelabuhan Kuching adalah mampu memenuhi keperluan dan permintaan sektor perkhidmatan industri di Sarawak. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM421 juta untuk kerja-kerja pengerukan Sungai-Sungai Sarawak dan projek tersebut dijangka siap pada 22 November 2019.
3. Untuk makluman Dewan ini juga, Kerajaan Persekutuan telah menjalankan Kajian Kemungkinan bagi Pengerukan Alur Pelayaran Kuala Baram, Miri, Sarawak pada tahun 2012. Hasil kajian tersebut mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya:
 - (i) alur pelayaran Kuala Baram dikeruk dengan kedalaman 8 meter dan kelebaran 170 meter;
 - (ii) alur pelayaran yang dikeruk diperkukuhkan dengan sistem *training*; dan
 - (iii) anggaran kos bagi kerja-kerja pengerukan dan pembinaan sistem *training* adalah dianggarkan sebanyak RM400 juta.

4. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak tidak dapat menjalankan kerja-kerja pengerukan berdasarkan hasil kajian kemungkinan tersebut disebabkan kekangan kewangan Kerajaan Negeri. Manakala, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pengerukan di pelabuhan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN
BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status 500 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah diluluskan di Sungai Sepuloh, Paloh. Bilakah projek ini akan mula dibangunkan memandangkan Majlis Pecah Tanah telah pun diadakan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) Sembrong di Paloh, Kluang, Johor merupakan salah satu projek yang telah diluluskan dalam RP 4 Tahun 2019. Sehingga kini, projek masih di peringkat perancangan dan kerja-kerja pembinaannya dijangka akan dimulakan pada suku keempat 2019 setelah semua proses perolehan diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah dan strategi Kementerian yang dilancarkan untuk menarik lebih ramai pelancong dari China dan nyatakan hasil kajian ke atas negara-negara seperti Thailand yang merupakan pilihan utama pelancong China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut statistik ketibaan pelancong asing ke Malaysia, pelancong China adalah merupakan jumlah ketiga terbesar yang melawat ke Malaysia selepas negara Singapura dan Indonesia, iaitu sebanyak 2.9 juta orang dengan jumlah perbelanjaan mereka pada tahun 2018 adalah sebanyak RM12.3 billion berbanding 2.3 juta orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM9.05 bilion pada tahun 2017. Perbelanjaan perkapita pada tahun 2018 adalah sebanyak RM4,179.40.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia (TM) sentiasa menjalankan pelbagai usaha yang berterusan bagi tahun 2019 bagi menarik lebih ramai pelancong dari negara China untuk melawat ke Malaysia seperti:

- i. **Usahasama dengan penggiat industri pelancongan Malaysia dalam penyertaan pameran dan ekspo pelancongan utama di China** seperti China-ASEAN Expo (CAExpo) di Nanning, China International Travel Mart (CITM) di Kunming, China International Tourism Industry Expo (CITIE) di Guangzhou, Suzhou International Travel Fair (SITF) di Suzhou, Asia Dive Expo (ADEX) di Beijing supaya maklumat pelancongan terkini sentiasa dapat disebarkan kepada kumpulan sasar;
- ii. **Membawa masuk penerbangan “*charter flight*” daripada China** terutama pada musim kemuncak percutian oleh pelancong China pada bulan Februari, Julai, Ogos dan Oktober melalui kerjasama antara syarikat penerbangan Malaysia dan China dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di pasaran China;
- iii. **Menggalakkan pertambahan penerbangan terus ke Malaysia** di mana TM akan sentiasa menyusul program promosi pelancongan bagi menyokong usaha syarikat penerbangan Malaysia dan China

yang mengadakan penerbangan terus yang baru dari China ke Malaysia;

- iv. **Mempergiatkan kempen pengiklanan secara taktikal di pasaran China** di mana menyiarkan pakej-pakej pelancongan yang dibangunkan bersama dengan pengusaha pelancongan China di media siaran, media cetak dan media sosial;
- v. **Menerbit dan mengedarkan risalah-risalah pelancong dalam versi tulisan “*Simplified Chinese*” melalui pejabat-pejabat Tourism Malaysia di pasaran China** seperti “*Malaysia Travel Guides*”, “*Island and Beaches*”, “*Adventures with Nature*”, “*Homestay Experience*” dan juga “*Malaysia 25 Places Must Visit*” yang boleh dimuat turun dalam bentuk E-Risalah di laman web www.malaysia.travel;
- vi. **Menganjurkan program-program *Mega Familiarisation Trip*** (lawatan suaikenal) bagi pengusaha pelancongan dan media China yang turut memperkenalkan produk-produk pelancongan baru dan menarik; dan
- vii. **Meningkatkan publisiti Malaysia sebagai destinasi percutian yang unggul melalui promosi pengguna** seperti promosi makanan dan kebudayaan dengan pihak hotel, restoran masakan Malaysia dan pusat membeli-belah utama di China.

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa Malaysia menghadapi saingan yang hebat daripada negara-negara jiran dalam usaha menarik ketibaan pelancong China seperti Thailand. Menurut hasil kajian ke atas negara jiran tersebut, peningkatan pelancong ke Thailand adalah disebabkan kemudahan polisi visa kemasukan iaitu *Visa-On-Arrival* bagi pelancong dari China.

Justeru, Kementerian ini telah mengambil inisiatif berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri agar mempertimbangkan untuk:

- i. **Mengurangkan *cooling period* eNTRI dari 3 bulan kepada 1 bulan** kerana kaedah eNTRI adalah kaedah kegemaran kemasukan pelancong China dan ia menggalakkan pembangunan produk *special interest* seperti Edu-tourism, Medical tourism dan lain-lain;
- ii. Memperluaskan kemudahan *Visa-On-Arrival* di semua pintu masuk supaya dapat menawarkan kemudahan masuk kepada pelancong China terutama jenis *free independent traveller* (FIT) yang sedang bercuti di negara-negara jiran; dan
- iii. Menawarkan eNTRI tanpa bayaran sewaktu musim kemuncak percutian oleh pelancong China pada bulan Februari, Julai, Ogos dan Oktober supaya dapat merangsang lebih banyak ketibaan pelancong China.

Selain daripada itu, Malaysia juga kekurangan penawaran tempat duduk penerbangan terus dari China ke Malaysia berbanding dengan negara Thai. Negara Thai mempunyai 1,671 penerbangan terus dengan 328,684 tempat duduk dari China setiap minggu, manakala Malaysia hanya mempunyai 599 penerbangan terus dengan 129,517 tempat duduk dari China setiap minggu. Walau bagaimanapun, inisiatif akan sentiasa dijalankan oleh Kementerian ini dan TM bersama dengan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan China untuk menggalakkan lebih banyak penerbangan terus dan penerbangan sewaan ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD
BIN MOHAMED @ HASHIM
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status Cadangan Pasar Borong Bukit Payung Terenggganu bagi menggantikan Pasar Borong Gong Pauh yang bersifat sementara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih belum menerima sebarang permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri Terengganu berhubung cadangan Pembinaan Pasar Borong Bukit Payong bagi menggantikan Pasar Borong Gong Pauh.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN : Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara dari tahun 2017 hingga kini dan apakah sebab-sebab utama mereka ditahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Julau di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga **28 Februari 2019, Kementerian Luar Negeri merekodkan seramai 2,601 orang warganegara Malaysia yang ditahan di luar negara atas pelbagai kesalahan**. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,308 orang adalah tahanan lelaki manakala 293 orang lagi adalah tahanan wanita.

3. Seramai 1,449 orang daripada keseluruhan 2,601 orang tahanan atau 55.71% ditahan atas kesalahan berkaitan dadah. Ini diikuti dengan kesalahan penipuan (390 orang), kad kredit palsu (179 orang), kesalahan kastam (100 orang) dan jenayah perdagangan (86 orang). Kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan warganegara Malaysia di luar negara adalah berkaitan dengan imigresen, penyeludupan manusia serta lain-lain pelanggaran undang-undang tempatan negara berkenaan.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, warganegara Malaysia yang paling ramai ditahan adalah di Singapura (669 orang), Thailand (414 orang), Indonesia (406 orang), China (319 orang) dan Korea Selatan (270 orang). Selebihnya 523 orang lagi ditahan di 36 buah negara lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN
BIN ABD. KADIR [SETIU]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kempen pengasingan sisa pepejal isi rumah dipergiatkan bagi tujuan mencapai kelestarian alam dan sejauh manakah industri sisa plastik skrap import tidak menjejaskan kesihatan dan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) giat melaksanakan kempen-kempen pengasingan sisa pepejal isi rumah dan program-program 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) secara berterusan dan bersepadu untuk mencapai kelestarian alam sekitar. Program yang dilaksanakan termasuklah kempen kesedaran dan promosi mengenai faedah 3R, program pendidikan untuk pelbagai peringkat umur, program libat urus di peringkat sekolah, komuniti, industri dan pejabat Kerajaan, program-program untuk mendaya masyarakat dan penguatkuasaan.

1. Kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan program dan kempen ini telah dibuktikan menerusi peningkatan kadar kitar semula kebangsaan setiap tahun iaitu daripada 17.5% pada tahun 2016 kepada 21% pada tahun 2017 dan meningkat kepada 24.6% pada tahun 2018. KPKT mensasarkan Malaysia dapat mencapai 30% kadar kitar semula menjelang tahun 2020 sekiranya masyarakat terus melaksanakan tanggungjawab mengasingkan sisa di punca dan sedar akan kepentingannya. Pelaksanaan program pengasingan sisa di punca ini bukan sahaja meningkatkan amalan 3R malahan mampu memberi pulangan dan menjana pendapatan tambahan melalui penjualan barangan kitar semula.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan industri sisa plastik import tidak menjejaskan kesihatan dan alam sekitar, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menetapkan hala tuju pengimportan sisa plastik seperti berikut:

- (i) penetapan kuota bagi pengimportan sisa plastik;
- (ii) penetapan syarat-syarat baharu pengimportan sisa plastik;
dan
- (iii) penggubalan peraturan khusus bagi mengawal selia sisa plastik import.

4. Dalam hal ini, KPKT telah menetapkan 18 syarat bagi pengimportan sisa plastik yang telah berkuat kuasa pada 26 Oktober 2018. Penetapan syarat-syarat ini turut mengambil kira aspek alam sekitar dan kesihatan, antaranya seperti hanya membenarkan pengimportan sisa plastik yang bernilai tinggi, *homogeneous* dan bersih dari sumber perindustrian; perlu mengemukakan surat pengesyoran operasi kilang daripada Jabatan Alam Sekitar; lokasi kilang sisa plastik yang bersesuaian iaitu di zon perindustrian dan lain-lain. Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, pengimportan sisa plastik akan dapat dikawal selia dengan lebih ketat untuk memastikan aktiviti ini tidak mendatangkan kesan negatif kepada alam sekitar dan menjejaskan kesihatan penduduk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN : 37

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hari ini kanak-kanak tanpa kerakyatan boleh bersekolah dengan syarat salah seorang daripada kedua ibu bapanya haruslah seorang warganegara Malaysia dan mendapat sokongan daripada Ketua Kampung mahupun Wakil Rakyat. Tetapi masih ramai di luar sana yang merupakan kanak-kanak yang lahir di Malaysia, gagal untuk mendaftarkan kelahirannya dan membesar sebagai kanak-kanak tanpa kerakyatan dan kedua-dua ibu bapanya bukan warganegara Malaysia. Soalan saya, bagaimana seorang kanak-kanak tanpa kerakyatan dan kedua ibu bapanya bukan warganegara tetapi kanak-kanak itu lahir di Malaysia dan kini hak penjagaan sepenuhnya diberi ke atas kedua ibu bapa angkatnya iaitu kedua-dua ibu bapa angkatnya warganegara Malaysia untuk menghantar anak-anak ini ke sekolah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelahiran di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, taraf kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku. Dalam kes anak angkat kepada warganegara Malaysia, pengangkatan juga tidak membawa maksud pemerolehan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Walau bagaimanapun, ibu bapa angkat boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan sebelum anak angkat berumur melebihi 21 tahun.

Dalam hal ini, adalah ditegaskan bahawa ibu bapa angkat bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan dokumen pengenalan diri atau pasport dengan negara asal anak angkat tersebut. Kegagalan ibu bapa angkat melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit iaitu ketiadaan dokumen pengenalan diri serta kesukaran untuk mendapatkan keistimewaan bagi kemudahan-kemudahan lain seperti persekolahan, perubatan dan sebagainya. Berhubung dengan kenyataan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu kanak-kanak tanpa kerakyatan boleh bersekolah, perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 25 MAC 2019 | ISNIN

SOALAN :

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a)Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi melestarikan kebajikan untuk golongan yang hendak menunaikan ibadah Haji; dan
- (b)Sejauh manakah keberhasilan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lagi umat Islam menabung di Tabung Haji dan berapa jumlah anak-anak syarikat dalam Tabung Haji

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Lembaga Tabung Haji (**TH**) sentiasa menambahbaik dan meningkatkan perkhidmatannya demi untuk melestarikan kebajikan jemaah haji semasa mereka berada di tanah suci mahupun tanah air. Ianya merangkumi aspek kemudahan prasarana, logistik, kesihatan, penginapan, pengangkutan, penerbangan, perkhidmatan kaunter, bimbingan, sajian dan sebagainya demi menjamin keselesaan dan kebajikan para jemaah haji negara. Penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut adalah juga bersandarkan kepada keupayaan **TH** dalam menanggung kos dan tertakluk kepada peraturan Kerajaan Arab Saudi.

NO. SOALAN: 38

b) **TH** sentiasa memberi galakkan kepada umat Islam untuk menabung di **TH**. Pada awal penubuhannya, **TH** mempunyai seramai 1,281 orang pendeposit sahaja dengan jumlah simpanan berjumlah RM46,000. Sehingga 31 Disember 2018, dengan hasil usaha berterusan, **TH** merekodkan jumlah simpanan terkumpul berjumlah RM 74.5 billion. Pada tahun 2018, sebanyak 456,361 akaun simpanan baru telah dibuka dengan jumlah simpanan sebanyak RM750.5 juta.

TH sentiasa menggalakkan umat Islam menabung di **TH**. Inisiatif seperti penubuhan kelab TaHa dan TaHa@U adalah langkah awal bagi menggalakkan umat Islam menjadi pendeposit **TH** dari usia muda.

Pengwujudan khidmat kenderaan kaunter bergerak yang dikenali sebagai **TH** Komuniti disediakan bagi menambah kemudahan kepada pendeposit luar bandar mendapatkan perkhidmatan dan menabung di **TH**.

Kerjasama dengan bank-bank utama seperti Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank Islamic dan CIMB Islamic Bank adalah usaha berterusan **TH** bagi memastikan umat Islam di Malaysia lebih mudah mendapatkan perkhidmatan **TH**.

Perkhidmatan dalam talian juga sentiasa menjadi perhatian dan keutamaan **TH**. Perkhidmatan **TH** boleh diakses secara online melalui Maybank2u, i-rakyat dan BIMB Online. Pada masa sama **TH** sedang menaiktaraf kemudahan online **TH** yang dijadualkan akan beroperasi selewat-lewatnya pada suku ke-empat 2019.

c) **TH** kini mempunyai 15 anak syarikat yang terlibat dalam beberapa sektor utama seperti perbankan dan takaful, perladangan, teknologi maklumat, pembinaan dan pelancongan.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 25.03.2019 (ISNIN)

SOALAN : 39

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah Jabatan Perdana Menteri sama ada akan membuka semula siasatan terhadap Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, dan juga orang-orang berdekatan denganya atas tuduhan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa berikutan bukti baru yang dikemukakan atas kerjasama oleh *Bruno Manser Fund* dan *Sarawak Report*.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, mantan Peguam Negara telah mengkaji kes yang telah dibuka terhadap beliau dan telah memutuskan tiada pendakwaan.

SPRM ada menerima beberapa maklumat daripada *Bruno Manser Fund* dan *Sarawak Report* namun isi kandungan maklumat tersebut adalah sama seperti siasatan yang telah dibuka sebelum ini. Ianya bukan keterangan baru untuk membolehkan SPRM membuka kertas siasatan yang baru. Sekiranya ada bukti-bukti baru, tiada sekatan kepada SPRM untuk membuka semula siasatan, dan seterusnya mengemukakan kertas siasatan tersebut (sekiranya ada) kepada Peguam Negara masa kini untuk membuat tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 41

Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan dengan status semasa kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik sekolah-sekolah ke grid utama di Sarawak, khususnya sekolah-sekolah di P205 Saratok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan semua sekolah di bawah KPM mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap. Berhubung bekalan elektrik sekolah-sekolah di Sarawak, terdapat sejumlah 113 buah sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak yang disenaraikan untuk disambungkan kepada grid bekalan elektrik. Kerja-kerja penyambungan ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui agensinya iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB). Terdapat sebanyak 11 buah sekolah di P205 Saratok yang akan terlibat. Namun begitu, pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja kontrak Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel 369 Sekolah Luar Bandar Sarawak sedia ada tamat.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 42

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkaitan Pusat Pakar Perubatan (PPPUM, PPPUKM, PPPUiTM) adakah Kementerian Kesihatan menyediakan peruntukan geran bagi tujuan penyelidikan dan tujuan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan awam di Hospital Pusat Pakar Perubatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Pusat Perubatan Universiti Teknologi MARA (PPUiTM) masih menerima peruntukan Geran Mengurus secara tahunan dari Kementerian Kewangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan awam di Hospital Pengajar.

Peruntukan bagi hospital pengajar termasuk peruntukan bagi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Sewaan dan Penyelenggaraan serta Peruntukan Emolumen Kakitangan Kontrak (EKK) adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Jumlah agihan peruntukan geran mengurus hospital pengajar adalah seperti berikut:

1. Hospital pengajar PPUM sebanyak RM396,000,000.00;
2. Hospital pengajar PPUKM sebanyak RM 314,135,000.00; dan
3. Hospital pengajar PPUiTM sebanyak RM 1,711,557,000.00

Manakala agihan peruntukan tambahan emolument kakitangan kontrak bagi dua hospital pengajar adalah seperti berikut:

1. Hospital pengajar PPUM sebanyak **RM 18,823,000.00**
2. Hospital pengajar PPUKM sebanyak **RM 27,700,000.00**

Sekian, terima kasih

RJM 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 43

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Program KOSPEN akan diteruskan atau dihentikan perjalanannya, jika ianya dibatalkan nyatakan sebab kenapakah ianya dibatalkan dan adakah kerana tiada peruntukan

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan akan meneruskan pelaksanaan Program KOSPEN. KOSPEN adalah satu-satunya program pemerkasaan komuniti berskala besar dalam usaha menangani masalah penyakit tidak berjangkit di negara ini. Mekanisma pelaksanaan KOSPEN sedang dikaji semula untuk dimantapkan lagi. Skop KOSPEN untuk komuniti akan dikembangkan lagi mencakupi kesihatan mental sebagai tambahan kepada skop sedia ada iaitu Pemakanan Sihat, Hidup yang aktif, Tidak Merokok, Pengurusan Berat Badan dan Saringan faktor risiko penyakit tidak berjangkit selari dengan skop yang dilaksanakan untuk warga kerja melalui program KOSPEN Plus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sedangkan ramai orang Sabah memerlukan peluang pekerjaan, namun mengapa warga asing diberi lesen pemandu pelancong untuk beroperasi di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat utama untuk menjadi Pemandu Pelancong Berlesen di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya adalah individu yang memohon itu hendaklah berstatus warganegara Malaysia.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya tidak mengeluarkan lesen Pemandu Pelancong kepada mana-mana warga asing yang beroperasi di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 45

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan projek TRX-1MDB dan masa depannya. Adakah Bandar Malaysia akan dibangunkan dan mengapa. Nyatakan aset 1MDB berjumlah RM42 bilion dan hutang RM31 bilion secara terperinci seperti pernah disebut oleh bekas CEO 1MDB, Arul Kanda.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, Laporan Akhir Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dikeluarkan pada 7 April 2016 antara lain telah mengesyorkan supaya anak-anak syarikat dan aset milik 1MDB iaitu Tun Razak Exchange (TRX), Bandar Malaysia, tanah Air Itam dan tanah Pulau Indah, diserahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti.

Sehingga kini, 1MDB telah melupuskan tiga aset utamanya iaitu tanah pembangunan TRX (30 Mac 2017), tanah pembangunan Bandar Malaysia (30 Mac 2017) dan tanah Ayer Itam (24 Ogos 2017) manakala tanah Pulau Indah yang berkeluasan kira-kira 318.42 ekar masih menjadi milik 1MDB dan kini sedang dalam proses untuk dijual.

Untuk makluman dewan yang mulia juga, baki hutang 1MDB yang masih belum selesai (*outstanding*) pada 15 Mac 2019 adalah seperti berikut:

Bil.	Hutang	Tarikh Bayaran Faedah	Jumlah Prinsipal (RM Million) USD1=RM4.10	Jumlah Faedah (RM Million) USD1=RM4.10	Jumlah Keseluruhan (RM Million) USD1=RM4.10
	Sukuk IMTN terbitan 1MDB (<i>P:RM5b, i:5.75%, M:2039</i>)	Mei & Nov	5,000	5,894	11,038
	Bon terbitan 1MDB Global Investment Ltd (<i>P:USD3b, i:4.4%, M:2023</i>)	Mac & Sept	12,300	2,165	14,640
	Bon terbitan 1MDB Energy (Langat) Ltd (<i>P:USD1.75b, i:5.75%, M:2022</i>)	April & Okt	7,175	1,444	8,811

	Bon terbitan 1MDB Energy Ltd (P:USD1.75b, i:5.99%, M:2022)	Mei & Nov	7,175	1,504	8,677
	Jumlah		31,650	11,007	42,657

Nota:

P : Prinsipal

i : Faedah

M : Tahun matang

Tuan Yang Dipertua,

Senarai dan jumlah aset serta hutang 1MDB seperti yang dinyatakan di atas adalah diperoleh melalui semakan pihak Kementerian Kewangan dengan 1MDB. Kedudukan sebenar aset dan hutang 1MDB yang telah diaudit masih belum dapat ditentukan kerana Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 sehingga kini masih tidak dapat diaudit dan dimuktamadkan. Juruaudit semasa 1MDB iaitu Parker Randall mengambil masa yang lama untuk menjalankan pengauditan kerana juruaudit yang lama iaitu KPMG (tahun 2010, 2011 dan 2012) dan Deloitte (tahun 2013 dan 2014) telah menarik balik laporan dan pandangan mereka terhadap penyata kewangan syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia, projek TRX dibangunkan oleh TRX City Sdn Bhd (TRXC). Selaku pemilik dan pemaju induk bagi projek berkeluasan 70 ekar tersebut, TRXC bertanggungjawab menjadi penyelia keseluruhan pembangunan, menarik para pelabur dan membangunkan rangkaian infrastruktur bagi keseluruhan tapak projek.

Sehingga ini, kira-kira 70 peratus daripada plot tanah yang tersedia di TRX telah dikomersialkan dengan jumlah jualan kira-kira RM4.123 bilion. Projek TRX telah berjaya menarik minat pelbagai pelabur dan penyewa tempatan serta antarabangsa termasuk bank-bank dan institusi kewangan utama dunia seperti HSBC Bank, Affin Bank, Prudential dan Lendlease.

NO SOALAN : 45

Setelah proses penjernihan atau “detoxification” di bawah kerajaan Pakatan Harapan, Kerajaan telah berjaya memulihkan keyakinan pelabur-pelabur antarabangsa terhadap TRX dan Malaysia. Selepas usaha “detox”, TRX Exchange kini adalah projek bebas rasuah yang mendapat kepercayaan pelabur di dalam dan luar negara. Empat institusi bank iaitu HSBC, Maybank, Standard Chartered dan Sumitomo Mitsui Banking Corp begitu yakin terhadap Kerajaan dan menyediakan jumlah pembiayaan sebanyak RM2.15 bilion kepada syarikat usaha sama TRX City Sdn Bhd – Lendlease, syarikat pemaju dari Australia, atas kemantapan projek tersebut.

Pihak TRX City telah mengesahkan bahawa 1MDB sebelum ini telah menerima sejumlah RM3.69 bilion melalui pinjaman dan daripada Kerajaan secara langsung dan tidak langsung bagi tujuan membangunkan TRX dan Bandar Malaysia. Akan tetapi, sejumlah RM1,611 juta dan RM1,456 juta yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan TRX dan Bandar Malaysia telah digunakan oleh 1MDB untuk tujuan lain seperti di jadual berikut:

Sumber	Jumlah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Dana pembangunan TRX dan Bandar Malaysia yang diperoleh melalui pinjaman dan daripada Kementerian Kewangan	3,688	
Peruntukan TRX yang diagihkan ke 1MDB		1,611
Peruntukan Bandar Malaysia yang diagihkan ke 1MDB		1,456
Jumlah	3,688	3,067

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 46

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap pengiktirafan Sijil Peperiksaan Gabungan Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina atau UEC bagi kemasukan ke IPTA atau Universiti Awam (UA) tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengkaji isu pengiktirafan sijil *Unified Examination Certificate* (UEC). Bagi tujuan itu, satu Pasukan Petugas Dasar – UEC (PPD-UEC) telah ditubuhkan dan mula menjalankan tugas rasmi pada 21 November 2018. PPD-UEC tersebut melaksanakan tugasannya berdasarkan terma rujukan yang disediakan oleh KPM. Pendekatan yang diguna pakai oleh PPD-UEC ini ialah menerusi pendekatan pencarian maklumat (*facts-finding*). Pasukan petugas ini telah diberikan tempoh selama enam (6) bulan, iaitu sehingga Julai 2019 untuk meneliti dan menyediakan syor-syor berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC kepada pengurusan tertinggi KPM untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

SOALAN : 47

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah IPCMC akan ditubuhkan untuk mengatasi masalah rasuah dan salah guna kuasa oleh Polis Diraja Malaysia.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji dan menggubal draf Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Rang Undang-undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen sebaik sahaja kesemua isu dan perkara dasar dimuktamadkan dalam merangka penubuhan IPCMC melalui pemerkasaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).
2. Untuk makluman Ahli Dewan juga, IPCMC yang akan ditubuhkan akan memberi perhatian khusus kepada isu salah laku dan integriti anggota dan pegawai PDRM. Bagi menangani masalah rasuah dan salah guna kuasa, IPCMC akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
3. Kerajaan juga berharap melalui penubuhan IPCMC ini, isu-isu salah laku dalam kalangan anggota PDRM dapat diberi perhatian serius. Sekaligus meningkatkan lagi tahap integriti anggota PDRM dalam menjadikannya sebuah badan bebas yang cekap dan efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi dalam tempoh 6 bulan kedua tahun 2018 berbanding dengan tempoh 6 bulan pertama tahun yang sama mengenai prestasi BSKL dari segi CI, nilai pasaran dan jual beli oleh pelabur asing, prestasi FDI, prestasi ringgit berbanding a basket of major currencies, kedudukan rizab antarabangsa dan bilangan penganggur serta menghuraikan usaha ke hadapan untuk memperkukuhkan semula prestasi kelima-limanya itu dan keadaan sosioekonomi rakyat yang pada keseluruhannya tambah meruncing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada enam bulan pertama 2018, nilai ringgit berbanding dolar AS telah menambah nilai sebanyak 0.6 peratus, manakala, nilai ringgit menyusut nilai sebanyak 2.4 peratus pada enam bulan kedua 2018. Bagi tempoh yang sama, ringgit telah menambah nilai berbanding mata wang asing utama seperti paun sterling (0.8%), remminbi China (1.4%) dan dolar Australia (2%). Sehingga 22 Mac 2019, nilai ringgit telah meningkat sebanyak 1.7% manakala nilai mata wang serantau lain telah menyusut antara 0.2% hingga 3.4% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Prestasi ringgit juga lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau. Nilai Ringgit telah mengukuh sebanyak 0.7% berbanding dolar Singapura dan 1.9% berbanding peso Filipina bagi tempoh yang sama.

2. Kedudukan rizab antarabangsa pada 30 Jun 2018 berjumlah RM423.4 bilion (USD104.7 bilion) dan pada 31 Disember 2018 berjumlah RM419.5 bilion (USD101.4 bilion). Pada 15 Mac 2019, paras rizab antarabangsa telah meningkat kepada RM424.4 bilion (USD102.6 bilion) adalah mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertanggung dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

3. Faktor utama kejatuhan nilai ringgit dan mata wang serantau adalah berpunca daripada aliran keluar dana asing yang didorong oleh:

- a. Ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat dan China;
- b. Kenaikan kadar faedah oleh bank pusat Amerika Syarikat menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan “ekonomi sedang pesat membangun” (*emerging economies*); dan
- c. Kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dalam keadaan persekitaran luaran yang tidak menentu, keadaan pasaran kewangan yang lebih lancar dan teratur adalah penting. Oleh itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa menjalankan operasi pasaran dua hala dalam pasaran pertukaran asing untuk mengawal tekanan daripada aliran pelaburan modal global yang ketara dan besar bagi mengurangkan volatiliti nilai mata wang.

5. Paras rizab antarabangsa negara pula dijangka mengalami peningkatan semula selepas pasaran dunia kembali pulih dan sentimen pelabur bertambah baik. Sekiranya pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh dan kegusaran pelabur asing berkurang, lebihan penerimaan pertukaran wang asing akan terhasil. Sekiranya terdapat keperluan untuk menstabilkan pasaran, BNM boleh menyalurkan kecairan melalui penggunaan rizab antarabangsa BNM.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Mengikut perangkaan Imbangan Pembayaran (*Balance of Payment*), jumlah aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) pada enam bulan pertama 2018 mencatat RM15.5 bilion manakala pada enam bulan kedua 2018 aliran masuk bersih FDI mencatatkan jumlah sebanyak RM17.2 bilion. Sektor yang menjadi tumpuan FDI adalah aktiviti perkhidmatan; pembuatan; dan perlombongan & kuari. Penyumbang tertinggi FDI adalah Amerika Syarikat, Hong Kong dan Belanda. Jumlah perdagangan Malaysia kini telah mencecah RM1.9 trilion bagi tahun 2018 dan Kerajaan yakin bahawa usaha mempelbagaikan produk dan pasaran akan terus menyokong prestasi perdagangan negara. Berdasarkan statistik Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), bagi tempoh enam bulan kedua 2018, jumlah pelaburan bernilai RM115.6 bilion telah diluluskan berbanding RM86.1 bilion pada enam bulan pertama 2018. Daripada jumlah tersebut pada enam bulan kedua 2018, pelaburan asing adalah 47.6 peratus dan bagi enam bulan pertama 2018 adalah 29.6 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Berhubung prestasi indeks penanda aras Bursa Malaysia FBMKLCI pula, bagi tempoh enam bulan pertama 2018, indeks telah mencapai 1,691.5 mata manakala bagi tempoh enam bulan kedua 2018, indeks telah menurun 0.1 peratus kepada 1,690.58 mata. Selain itu, pada enam bulan pertama 2018 aliran keluar dana asing bersih mencatat RM6.8 bilion (USD1.7 bilion), manakala bagi enam bulan kedua 2018 ia menurun RM4.9 bilion (USD1.2 bilion). Pasaran ASEAN mengalami jualan yang berterusan oleh pelabur asing didorong sentimen negatif yang meningkat terhadap pasaran membangun (*Emerging Market*), namun Indonesia dan Thailand mencatat aliran keluar dana asing bersih yang tertinggi berbanding Malaysia.

8. Menyentuh mengenai bilangan penganggur di negara ini, sehingga Disember 2018, bilangan penganggur telah berkurang 0.3% kepada 514.2 ribu berbanding 515.8 ribu pada Jun 2018. Dalam tempoh yang sama, kadar pengangguran turut berkurang kepada 3.3% berbanding 3.4%.

9. Dalam jangka masa panjang, prestasi ringgit, rizab negara, jumlah FDI, pasaran modal dan kadar pengangguran adalah didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara, jumlah FDI dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesukaran yang dihadapi oleh rakyat terutama dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Sehubungan itu, pelbagai program dan bantuan telah dirancang dan

dilaksanakan bagi membantu meringankan beban kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli rakyat.

11. Dalam usaha untuk membantu meringankan beban peningkatan kos sara hidup, Kerajaan melalui Belanjawan 2019 telah mengumumkan pelbagai inisiatif, termasuk Bantuan Sara Hidup (BSH), mengekalkan harga runcit siling petrol RON95 daripada RM2.20 seliter pada masa ini kepada RM2.08 seliter, menstabilkan bekalan dan menyeragamkan harga barangan keperluan asas, skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-SURI dan Skim mySalam untuk golongan B40.

12. Bagi meningkatkan pendapatan rakyat pula, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah dalam Belanjawan 2019 seperti menyelaraskan gaji minimum kepada RM1,100 di seluruh negara mulai 1 Januari 2019, memberi bantuan kepada pekebun kecil getah melalui Insentif Pengeluaran Getah (IPG), menyediakan peruntukan bagi membantu semua pekebun kecil kelapa sawit mendapatkan pengiktirafan persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) untuk meningkatkan kebolehpasaran komoditi ke luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS
ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah penerbangan swasta yang beroperasi di Malaysia dan bagaimanakah pihak Kementerian membantu dalam melahirkan lebih ramai juru terbang di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah penerbangan swasta atau dikenali sebagai *Approved Flying Training Organisation* (AFTO) adalah sebuah akademi yang melatih dan melahirkan juruterbang yang bertauliah dalam mengendalikan pesawat. Buat masa ini, Malaysia mempunyai lima (5) buah sekolah penerbangan swasta. Tiga (3) daripadanya adalah khas untuk penerbangan kapal terbang, satu sekolah adalah khas untuk penerbangan helikopter dan satu lagi sekolah penerbangan adalah merangkumi penerbangan kapal terbang dan juga helikopter.
2. Berdasarkan kepada keperluan syarikat penerbangan tempatan, dianggarkan seramai kira-kira 150 hingga 200 juruterbang baharu adalah diperlukan dalam setahun. Jumlah ini adalah bagi menggantikan juru terbang yang bersara, berhenti atau pembukaan laluan baharu.
3. Manakala, setiap sekolah penerbangan mampu melatih dan melahirkan kira-kira 60 orang juruterbang setiap tahun. Namun jumlah ini adalah tertakluk kepada perubahan dan keadaan seperti pelatih berhenti disebabkan pelbagai sebab.
4. Seiring dengan pertumbuhan industri penerbangan di Malaysia dan rantau Asia Pasifik yang pesat, permintaan terhadap juru terbang dijangka akan terus meningkat pada masa yang akan datang. Pihak Kementerian melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) akan terus memantau permintaan dan keperluan juruterbang tempatan dan akan memastikan Malaysia mempunyai bilangan juruterbang yang mencukupi. CAAM akan bekerjasama rapat dengan industri dan pemegang taruh (*stakeholders*) yang lain agar para pelajar yang berpotensi dan bercita-cita menjadi juruterbang dapat merealisasikan impian mereka tanpa dibebankan oleh kos latihan yang terlalu tinggi.

NO. SOALAN: 49

5. Pada masa yang sama, Kerajaan melalui CAAM akan terus menitikberatkan aspek pengiktirafan silibus penerbangan yang ditawarkan oleh sekolah penerbangan awam.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah maksud fahaman Wahhabi. Kerajaan persekutuan telah menfatwakan fahaman Wahhabi sebagai sebahagian daripada Sunnah Wal Jamaah tetapi terdapat Kerajaan negeri seperti Selangor yang menfatwakan fahaman Wahhabi sebagai sesat. Apakah usaha yang dibuat untuk memperbetulkan salah faham ini supaya rakyat tidak celaru, sementara itu hubungan baik Malaysia dan Arab Saudi dapat dijaga.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fahaman Wahabi merupakan satu bentuk gerakan pemikiran agama yang banyak dipegang oleh ulama-ulama Haramain (Mekah dan Madinah) kontemporari mengikuti pendekatan yang diambil oleh Muhammad bin Abd Wahhab (m.1792). Dari segi mazhab, mereka lebih hampir dengan mazhab Hanbali walaupun dari beberapa segi mereka lebih ketat dan keras. Dalam sejarah tradisi ilmu Islam, aliran Wahhabi bukanlah mewakili arus perdana mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah kerana sejak seribu tahun lebih, aliran yang menjadi peneraju kepada pentafsiran Ahli Sunnah wal-Jamaah dalam bidang akidah ialah Asha'irah dan Maturidiyah, manakala dalam bidang fiqh ialah empat mazhab utama iaitu Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri telah memperuntukkan bahawa mazhab yang diamalkan dalam aspek syariah dan akidah adalah berlandaskan kepada Ahli Sunnah wal-Jamaah. Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali yang 133 pada 3 Disember 1984 telah memutuskan bahawa mazhab yang diamalkan di negara ini adalah Mazhab Shafie dan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Oleh itu penyebaran fahaman-fahaman dan mazhab-mazhab lain hendaklah dikawal dan aktiviti mereka hendaklah dihadkan kepada pengamalan sahaja bukan penyebaran. Setakat ini, beberapa negeri telah mengeluarkan keputusan fatwa mengenai Wahabiyah/Salafiyah iaitu Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Johor, Kedah dan Sabah.

Usaha juga hendaklah diambil bagi mengelak isu-isu percanggahan mazhab disebarkan oleh mana-mana pihak. Justeru kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sentiasa meraikan kepelbagaian pendekatan ataupun Manhaj yang wujud dalam ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah. Perbezaan antara aliran seperti mana Salafiyah/Wahhabiyah, Asha'irah dan juga Maturidiyah diuruskan secara baik menerusi dialog dan juga perbahasan akademik. Namun begitu,

keutamaan tetap diberikan kepada aliran yang menjadi tradisi dan majoriti di negara ini iaitu pegangan Asha'irah dalam aspek akidah dan Mazhab Shafie dalam aspek feqah. Manakala aliran-aliran lain yang masih dalam lingkungan Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah dibenarkan selagi mana ia tidak bersifat melampau, menimbulkan isu bid'ah membid'ah dan seumpamanya yang boleh membawa kepada perpecahan ummah.

Kerajaan prihatin dan sentiasa mengambil berat isu-isu furu'iyah atau pun masalah-masalah cabang yang dikaitkan dengan pendokong fahaman ini supaya tidak menjejaskan perpaduan masyarakat Islam di negara ini. Bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat berkenaan fahaman ini, kerajaan sentiasa mengambil pendekatan ke arah mengharmonikan semua pihak seperti berikut:

(i) mengadakan sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat berkenaan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah yang diamalkan di Malaysia dan Wahabi termasuk dalam apa yang diputuskan oleh para ulama dan Majlis Fatwa mereka adalah termasuk dalam golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah;

(ii) sentiasa mengadakan perbincangan dengan semua pihak bagi berbincang berkenaan tumpuan dakwah sebenar ke arah melahirkan masyarakat yang harmoni; dan

(iii) memantau mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik daripada sebarang ajaran yang bercanggah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji

KAWASAN : Jelutong

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN : NO. 51

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan bercadang untuk melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur sebagai pembinaan jalan, bekalan elektrik, bekalan air bersih, hospital dan sekolah di kampung-kampung Orang Asli di sekitar Sungai Koyan di Cameron Highlands.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Pembangunan infrastruktur di perkampungan Orang Asli adalah merupakan antara fokus dan komitmen JAKOA dalam memastikan kesejahteraan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia termasuk di kawasan sekitar Sungai Koyan, Cameron Highlands. Di kawasan sekitar Sungai Koyan terdapat dua (2) buah kampung Orang Asli yang berhampiran iaitu Kampung Orang Asli Sungai Koyan dan Kampung Orang Asli Dusun Pak Senam. Pada masa ini, perkampungan Orang Asli di sekitar Sungai Koyan telah dilengkapi dengan beberapa kemudahan infrastruktur asas seperti sekolah, bekalan elektrik, bekalan air serta akses jalan perhubungan.

Bagi memudahkan penduduk Orang Asli di kawasan tersebut mendapatkan rawatan kesihatan, terdapat Klinik Kesihatan Sungai Koyan yang disediakan bagi kes-kes ringan manakala bagi kes serius dihantar ke Hospital Kuala Lipis yang jaraknya lebih kurang 40 kilometer daripada Sungai Koyan. Selain itu, untuk perkampungan Orang Asli yang terletak di kawasan pedalaman, JAKOA menyediakan kemudahan pusat transit bagi pesakit dan pengiring di mana segala urusan pengangkutan diuruskan oleh JAKOA untuk memastikan masyarakat Orang Asli mendapat rawatan yang sewajarnya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua jua, JAKOA telah merancang untuk melaksanakan Program Pembangunan Bersepadu Lipis meliputi kawasan sekitar Sungai Koyan dan Ulu Jelai dalam usaha membangunkan kawasan tersebut melalui pembangunan secara menyeluruh meliputi infrastruktur dan sosioekonomi yang berkesan. Permohonan peruntukan bagi melaksanakan program pembangunan ini telah disenaraikan dalam permohonan bajet Rolling Plan 4 (RP4) Tahun 2020. Kajian secara menyeluruh akan dilaksanakan supaya pembangunan lestari dilaksanakan di perkampungan Orang Asli dengan mengambil kira semua faktor seperti impak alam sekitar dan sosial

Sekian terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN : 52

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) daerah Pitas yang melibatkan sebelas (11) buah kampung antaranya Kampung Pansuran, Kampung Malubang, Kampung Mangkubau Laut yang belum siap sepenuhnya di mana kawasan-kawasan ini belum menerima bekalan elektrik sehingga kini walaupun pemasangan tiang dan wayar elektrik telah selesai dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kampung-kampung tersebut adalah berstatus siap fizikal sepenuhnya, namun begitu sehingga kini masih lagi tidak dapat dibekalkan bekalan elektrik dan hanya boleh dibekalkan apabila pembinaan Pencawang Pembahagi Utama (PPU) Simpang Bongkol dan PPU Pitas di bawah projek BELB Talian Grid Zon 3 Tahun 2016-2017 yang sedang dilaksanakan siap kerana punca bekalan adalah daripada PPU tersebut. Projek pembinaan PPU ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual kerana terlibat dengan isu pampasan pengambilalihan tanah bagi pencawang tersebut dan pakej ini dijangka akan siap sepenuhnya pada awal bulan April Tahun 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 53

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina sebuah Balai Bomba dan Penyelamat di daerah Matu di dalam kawasan Parlimen P.207 Igan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Matu telah pun diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1), RMKe-11, Tahun 2016. Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meneruskan projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Matu sebagaimana yang telah dirancang. Kerja-kerja penambakan tanah di tapak projek telah selesai dilaksanakan pada akhir tahun 2018.
2. Projek pembinaan Balai Bomba ini akan dimulakan pada April 2019 dan dijangka siap pada Oktober 2019.
3. Pada masa ini kawasan Matu mendapat perlindungan kebombaian dari Balai Bomba dan Penyelamat Mukah dengan jarak perjalanan sejauh 60 km.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO.54

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan dilakukan bagi membantu Komuniti Ekonomi Bumiputera untuk berdaya saing dan berapakah peruntukan dana usahawan Bumiputera untuk menjayakan segala pelan tindakan Pemerkasaan Komuniti Ekonomi Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada kemakmuran rakyat tanpa mengira etnik dan kaum. Kerajaan akan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan melalui amalan prinsip *shared prosperity* iaitu berasaskan keperluan, ketelusan, menyokong pertumbuhan dan kemampaan bagi mendukung dasar pembangunan inklusif dan menghapuskan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik. Di samping itu, Agenda Bumiputera akan terus menjadi sebahagian agenda nasional yang penting untuk memastikan inklusiviti dan kesejahteraan ekonomi rakyat.
2. Keutamaan dan penekanan baharu dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) adalah berdasarkan keperluan yang mencakupi pelbagai dimensi. Dalam Tonggak 2, KSP RMK-11 telah memberi penekanan khusus kepada strategi Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (KEB) yang inklusif bagi memperkukuh keberkesanan institusi dan program, memperkasa pendidikan dan modal insan, meningkatkan kawalan efektif dan kemampaan dalam pemilikan ekuiti korporat, meningkatkan pemilikan kekayaan serta membina Komuniti Ekonomi Bumiputera yang berdaya tahan dan mampan. Selain itu, penekanan terhadap penerapan nilai moral dan etika yang baik seperti bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin dan berdikari dalam meningkatkan status sosioekonomi serta memastikan kejayaan KEB akan terus dipergiat.
3. Pada masa yang sama, penekanan khusus kepada keusahawanan melalui strategi Memperkukuh KEB, di mana pembangunan KEB yang berdaya tahan dan mampan akan dipertingkatkan termasuk mengubah minda usahawan Bumiputera, menjalin kerjasama dengan peserta industri serta perkongsian antara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera

untuk mewujudkan perniagaan tulen. Program pembangunan usahawan bersepadu juga akan terus dilaksanakan melalui peranan institusi Bumiputera, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) untuk menyertai industri strategik dan nilai ditambah tinggi. Selain itu, usaha akan terus diperkukuhkan untuk memastikan penyertaan berkesan usahawan Bumiputera di sepanjang rantai bekalan hingga menembusi pasaran global. Di bawah Belanjawan 2019, sebanyak RM1.19 billion telah diperuntukkan bagi agenda pembangunan Bumiputera merangkumi program pembangunan keusahawanan, pendidikan dan modal insan serta pemilikan ekuiti dan kekayaan.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

25 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 55

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk melaksanakan sukatan pendidikan seks dan kesihatan reproduktif di semua sekolah kerajaan, persendirian dan antarabangsa dan apakah tempoh masa untuk memastikan ianya direalisasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan 'pendidikan seks' sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan pada 1994 di sekolah rendah, khususnya melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan. Istilah 'Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial' (PEERS) digunakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di bawah KPM susulan daripada kelulusan Kabinet pada 20 Disember 2006.

Kurikulum PEERS digubal berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif dan kesesuaian peringkat umur kumpulan sasaran. PEERS dilaksanakan secara komprehensif dan kohesif dari peringkat prasekolah hingga sekolah menengah untuk meningkatkan kesedaran serta membantu murid memperoleh kemahiran membuat keputusan yang tepat, bijak dan bertanggungjawab pada masa kini serta masa hadapan. Sekian, terima kasih. RJM 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 56

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk mekanisme bagi mengawal kadar premium insurans dan caj perkhidmatan kesihatan di bawah Skim Perlindungan Nasional B40 (MySalam) agar skim ini tidak membebankan rakyat dalam kumpulan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan 2 soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat lain memandangkan ia melibatkan isu yang sama, iaitu:-

1. Y.B. Tuan Charles Anthony A/L Santiago [Klang] pada 27 Mac 2019; dan
2. Y.B. Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] pada 8 April 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim MySalam menyediakan perlindungan takaful percuma kepada penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR) yang berumur antara 18 hingga 55 tahun, termasuklah pasangan masing-masing. Skim ini akan dibiayai oleh industri insurans dan takaful. Dana permulaan berjumlah RM2 bilion diperoleh melalui sumbangan daripada syarikat insurans dan pengendali takaful serta diuruskan di bawah satu tabung amanah berpusat. Dana ini dijangka mampu membiayai skim MySalam untuk tempoh selama 5 tahun.

Pada peringkat permulaan, caruman bagi skim ini akan dibayar daripada tabung tersebut kepada pengendali takaful ke atas liputan (*coverage*) perlindungan yang ditetapkan. Untuk tahun 2019, jumlah caruman dijangka berjumlah RM400 juta. Produk perlindungan ini akan diuruskan pada harga kos dan segala keuntungan akan dikembalikan kepada skim tersebut.

Sebagai permulaan, skim ini akan dikendalikan oleh Great Eastern Takaful Berhad yang merupakan sebuah pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 25 MAC 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi mengatasi lambakan rumah yang tidak terjual dan adakah ianya kerana disebabkan tindakan institusi kewangan yang telah mengetatkan syarat kelulusan pinjaman perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah lambakan unit rumah yang tidak terjual ini dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuklah isu kebolehcapaian kepada akses pembiayaan. Perkara ini terjadi apabila pendapatan boleh guna bakal pembeli yang terhad serta komitmen kewangan yang tinggi seperti pinjaman peribadi, kenderaan, pelajaran serta pinjaman-pinjaman lain. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mencadangkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MOF) untuk mempertimbangkan cadangan pemberian diskaun sebanyak 10% daripada harga rumah serta kelulusan pinjaman perumahan 100% tanpa deposit melalui program Diskaun Plus. Inisiatif ini tentunya akan meningkatkan lagi bilangan pembeli rumah terutamanya kumpulan sasaran yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan pinjaman kewangan sepenuhnya tanpa deposit dan meningkatkan pemilikan rumah mampu milik bagi kumpulan rakyat B40 dan M40.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah-langkah lain yang telah dikenal pasti dan sedang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah lambakan unit rumah yang tidak terjual adalah seperti berikut:

- a) Melaksanakan pelan pemasaran seperti pemberian diskaun/rebat oleh pemaju swasta/Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)/ Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sekurang-kurangnya 10%;

- b) Mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program *Home Ownership Campaign* (HOC) bagi tahun 2019;
- c) Pemberian insentif kepada bakal pembeli melalui pengecualian duti setem;
- d) Cadangan kepada pemaju untuk membuat kajian pasaran (*market study*) bagi memastikan pembangunan perumahan di sesuatu lokasi mengikut permintaan (*demand*);
- e) Bagi unit kuota Bumiputera yang tidak terjual, kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membuat pemantauan bersama dengan pemaju bagi memastikan unit kuota Bumiputera ini dapat dijual; dan
- f) Menambah baik skim pembiayaan perumahan terutamanya bagi kumpulan B40 dan M40 bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pemilikan perumahan.

3. Kesimpulannya, langkah-langkah ini sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu menyelesaikan masalah lambakan rumah tidak terjual.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 58

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani masalah kos pentadbiran di sekolah yang kini dilaporkan tidak cukup dana dan guru-guru terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk pelbagai urusan pentadbiran di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan keperluan kos pentadbiran di sekolah. Justeru, KPM ada menyediakan peruntukan bagi pelbagai bantuan seperti **Bantuan Geran Perkapita (PCG)**, **Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP)**, **Bantuan Kokurikulum (BKK)** dan **Bantuan Sukan Sekolah (BSS)** untuk membantu guru dan murid bagi perolehan pembelian peralatan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, KPM turut menyediakan **Elaun Tuntutan Perjalanan Guru** bagi guru-guru yang dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga akan menilai semula keperluan tambahan menggunakan peruntukan sedia ada kementerian, pada pertengahan tahun melalui penjimatan keseluruhan program dan aktiviti kementerian. Sekian, terima kasih. RJM 69

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 25.03.2019 (ISNIN)

SOALAN : 59

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menaik taraf SPRM kepada sebuah suruhanjaya yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan sama seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang membolehkan SPR mempunyai autonomi dan kuasa tersendiri dan melapor terus kepada Parlimen bukan Perdana Menteri.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang usaha untuk menjadikan mana-mana agensi ataupun suruhanjaya yang diiktiraf oleh Perlembagaan memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan. Sebagaimana Yang Berhormat Marang sedia maklum, pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan hanya boleh dilakukan dengan persetujuan 2/3 ahli Dewan Rakyat.

Mengambil kira situasi pada masa ini, SPRM akan meminda akta SPRM sedia ada bagi membolehkan Parlimen mempunyai peranan lebih besar dalam urusan perantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Untuk makluman Yang Berhormat Marang juga, selaras dengan peruntukan Seksyen 11(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang sedia ada, SPRM melapor kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) yang dianggotai oleh ahli-ahli parlimen dan bukan kepada Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB USTAZ HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
KAWASAN : HULU LANGAT
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB USTAZ HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi menghapuskan Kutipan Tol di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha sebaik mungkin bagi memenuhi janji-janji dalam buku Pakatan Harapan dan ini termasuklah cadangan menghapuskan tol lebuh raya di negara ini. Namun begitu, Kerajaan mengakui cadangan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, khususnya akibat dari tekanan kewangan semasa yang sedang dihadapi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneliti dan mengambil kira secara mendalam pelbagai faktor serta implikasi yang mungkin akan timbul akibat dari cadangan penghapusan tol lebuh raya di negara ini. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju untuk menangguhkan dahulu cadangan penghapusan tol sehingga keadaan ekonomi negara benar-benar stabil dan mengizinkan.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kerja Raya telah melantik juru perunding audit bebas bertauliah pada 28 Januari 2019 bagi membantu Kerajaan menganalisa data dan cadangan berkenaan. Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Hasil kajian dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Mei 2019 nanti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 61

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah peruntukan projek tebatan banjir bagi mengatasi masalah banjir dan jumlah projek yang telah diluluskan untuk Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah banjir di Sarawak, sebanyak sembilan (9) projek utama tebatan banjir telah diluluskan dengan jumlah siling kos projek adalah sebanyak RM392.92 juta. Bagi tahun 2019, peruntukan yang akan disalurkan bagi pelaksanaan projek-projek berkenaan adalah RM38.811 juta.

Peruntukan ini adalah anggaran keperluan aliran tunai projek bagi tahun 2019 yang antaranya merangkumi peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja fizikal, pelantikan perunding reka bentuk terperinci, pelantikan perunding kerja ukur dan penyiasatan tanah serta tender kerja.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]
TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengikut tarikh pembayaran, jumlah jaminan kewangan USD50 juta yang telah dibayar oleh Lynas secara tunai dan bon. Berikan maklumat terperinci mengenai bon tersebut termasuk jenis, terma-terma, siapa yang meluluskannya serta justifikasi kemudahan (convenience) sebegini diberikan kepada Lynas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah meluluskan lesen Kelas A (Pengilangan) kepada Lynas dan ia tertakluk kepada beberapa syarat dan diantaranya Lynas perlu membayar cagaran bagi lesen sebanyak USD 50 juta bagi menampung kos yang terlibat bagi pengurusan sisa sekiranya Lynas menghentikan operasinya termasuklah sebarang kebarangkalian berlakunya kejadian atau kemalangan radioalogi.
2. Selain itu Lembaga yang dilantik dibawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), juga telah menetapkan bayaran cagaran bagi lesen ini dibuat secara ansuran mengikut jumlah yang telah ditetapkan setiap tahun bermula pada tahun 2013 dan berakhir pada tahun 2019.
3. Sehingga 31 Disember 2018, Lynas telahpun menjelaskan bayaran cagaran bagi lesen ini sejumlah USD 42.21 juta. Baki ansuran cagaran bagi lesen terakhir adalah sebanyak USD 7.79 juta dan ia perlu dijelaskan sebelum atau pada 31 Disember 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID
DARIPADA : HAMIDI [BAGAN DATUK]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 63

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing yang telah berjaya dibawa masuk hasil daripada lawatan rasmi anggota kabinet ke luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meyakinkan bakal-bakal pelabur untuk melabur di Malaysia, adalah perlu bagi Kementerian ini untuk menganjurkan misi-misi penggalakkan pelaburan ke luar negara, lawatan kerja rasmi serta menghadiri persidangan antarabangsa bagi mempromosi dan menarik pelaburan baharu ke Malaysia.
2. Antara negara-negara yang telah dilawati sepanjang tahun 2018 oleh YAB Perdana Menteri, YB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan pegawai tertinggi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi di bawah MITI seperti MIDA termasuk :

- (i) Lawatan Rasmi YAB PM ke Jepun (Jun 2018), China (Ogos) dan Vietnam (September 2018);
- (ii) Lawatan Rasmi YAB TPM ke Qatar (November 2018);
- (iii) Lawatan Rasmi YB Menteri MITI / Timbalan Menteri MITI ke Indonesia (Ogos 2018), Singapura (September 2018), Thailand (September 2018), China (September 2018); dan
- (iv) Misi Penggalakkan Pelaburan dan Perdagangan ke Jepun dan Korea Selatan (Oktober 2018), Eropah (November 2018).

3. Misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan, lawatan rasmi dan persidangan antarabangsa ini merupakan satu platform yang terbaik bagi mempromosikan Malaysia serta mampu memberi maklumat terkini kepada komuniti perniagaan antarabangsa terhadap kedudukan ekonomi dan persekitaran perniagaan di Malaysia. Di antara program yang dilaksanakan sepanjang lawatan rasmi ini termasuklah mesyuarat tertutup bersama bakal pelabur, seminar dan mesyuarat meja bulat.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Misi-misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan serta lawatan rasmi ini telah berjaya menarik potensi pelaburan berjumlah RM11.2 billion pada tahun 2018 dalam sektor-sektor seperti berikut:

- i) Elektrikal dan elektronik;
- ii) Petrokimia;
- iii) Kimia dan produk berasaskan kimia;
- iv) Jentera dan peralatan;
- v) Teknologi makanan;
- vi) Farmaseutikal; dan
- vii) Perkhidmatan.

5. Bagi tahun 2018, Malaysia telah berjaya menarik sebanyak RM201.7 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor utama berbanding RM200.6 bilion pelaburan yang telah diluluskan pada tahun 2017. Sebanyak 4,887 projek telah diluluskan dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 129,780 peluang pekerjaan untuk negara.

6. Pihak kementerian melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya bagi membantu para pelabur seterusnya memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek pelaburan ini di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PORT
DICKSON)**

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN : 64

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penyiasatan dan penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan terhadap skandal-skandal besar yang melibatkan MARA, FELDA, 1MDB dan Tabung Haji.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yangdi-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM telah pun menjalankan siasatan ke atas skandal-skandal besar seperti MARA, FELDA, 1 MDB dan Tabung Haji. Hasil siasatan adalah seperti berikut:-

1. KES MARA

Sebanyak 6 Kertas Siasatan telah dibuka dan semuanya masih dalam siasatan. Tiga daripada kertas siasatan itu memerlukan keterangan melalui proses Mutual Legal Assistance (MLA) dari negara Australia.

2. KES FELDA

2.1 Kes bekas Pengarah Besar Felda dan bekas Timbalan Pengarah Besar Felda telah pun dituduh dan kedua-duanya didapati bersalah di Mahkamah atas pertuduhan sek 409 Kanun Kesiksaan (KK) dan sek 109 KK . Pada 8 Jun 2018 mahkamah menjatuhkan hukuman 5 tahun penjara kepada bekas Timbalan Pengarah Besar dan 2 tahun penjara kepada bekas Pengarah Besar Felda.

- 2.2 Kes terhadap Pengerusi Felda telah dituduh di mahkamah pada 14 Disember 2018 atas kesalahan dibawah sek 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- 2.3 Kes terhadap bekas Pengerusi Felda dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Felda Global Ventures telah pun selesai. CEO telah pun ditamatkan perkhidmatan dan kes ini tiada pendakwaan jenayah terhadap kedua-duanya.
- 2.4 Selain dari itu terdapat siasatan yang masih dalam tindakan SPRM seperti:
- a) Menunggu keterangan Mutual Legal Assistance (MLA) dari London, dan
 - b) SPRM juga sedang mengkaji dan meneliti kelemahan sistem dan prosedur di FELDA.

3) Kes 1 MDB

Kes terhadap Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Razak

- 3.1 Dalam kes yang melibatkan 2.6 bilion, beliau dituduh dengan 4 pertuduhan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 pada 20/09/2018. Kes ini adalah kes utama yang menunjukkan kemasukan wang ke dalam akaun peribadi beliau. Beliau juga dituduh 7 pertuduhan lagi dibawah kesalahan Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act (AMLATFPUAA) 2001.
- 3.2 Kes yang melibatkan pembayaran sejumlah RM5.4 billion kepada International Petroleum Investment Company (IPIC) menggunakan wang kerajaan secara salah.

Dalam kes ini, Dato' Seri Mohd Najib Bin Abdul Razak dan Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia Tan Sri Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah masing-masing telah dituduh dengan 4 pertuduhan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan 25/10/2018.

- 3.3 Kes yang melibatkan pindaan kepada laporan audit 1MDB. Dato' Seri Mohd Najib Bin Abdul Razak telah dituduh dengan 1 pertuduhan di bawah seksyen 23 Akta SPRM 2009 manakala Arul Kanda A/L Kandasamy, bekas CEO 1MDB telah dituduh dengan 1 pertuduhan di bawah 28(1)(c) Akta SPRM 2009 pada 12/12/2018.
- 3.4 Penerimaan wang 1MDB oleh Muhamad Shafee bin Md Abdullah (peguam). Dalam kes ini, Muhamad Shafee bin Md Abdullah (peguam kepada Dato' Seri Mohd Najib Bin Abdul Razak) telah dituduh dengan 4 Pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 pada 13/09/2018 kerana disyaki menerima hasil daripada aktiviti haram milik Mohd Najib bin Hj Abd Razak.
- 3.5 Datuk Mohd Hafarizam bin Harun, Peguambela & Peguamcara telah dituduh dengan 2 Pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(a) AMLATFPUAA 2001 pada 21/02/2019 kerana melibatkan diri secara langsung daripada aktiviti haram, iaitu, dengan menyebabkan hasil daripada aktiviti haram milik Mohd Najib bin Hj. Abd Razak dimasukkan ke dalam Client Account firma guaman Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak (HWAM).

3.6 Berhubung dengan isu pembelian tanah Ayer Hitam, Pulau Pinang oleh 1MDB, siasatan masih lagi dijalankan.

4. Kes Tabung Haji

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menjalankan siasatan yang melibatkan anak syarikat Lembaga Tabung Haji , 1 kes telah dituduh pada 26 Januari 2017 dibawah sek 409 Kanun Kesiksaan , 1 kes dituduh pada 2 Mac 2017 di bawah seksyen 4 (1)(a) AMLATFPUAA 2001, 1 kes telah dilucut hak dan satu kes lagi telah di NFA oleh Timbalan Pendakwa RaYA kerana tiada keterangan yang boleh dikaitkan dengan kes.

Manakala bagi kes 3 pertuduhan menerima rasuah bernilai RM5.2 juta dibawah kesalahan sek 16(a)(A) ASPRM 2009 dan 9 pertuduhan dibawah sek 4(1) (b) AMLATFPUAA 2001 berjumlah RM140 juta ke atas Dato' Seri Abd Aziz bin Rahim, mantan Pengerusi Lembaga Tabong Haji yang dituduh oleh SPRM tiada kaitan dengan dana Tabung Haji.

Selain itu terdapat beberapa pegawai Tabung Haji yang sedang disiasat oleh SPRM dalam isu rasuah dan salahguna kuasa.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN : 65

Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta PERDANA

MENTERI menyatakan :

- a) Apakah kedudukan dan pencapaian atau progress Jawatankuasa Kabinet Khas MA63 setakat ini. Apakah pendirian Kerajaan mengenai pandangan luar bahawa MA63 telah terbatal atas sebab Kerajaan tidak dilaksanakan sealam 55 tahun; dan
- b) Adakah Kerajaan akan bersetuju agar MA63 dibubarkan dan Sabah dan Sarawak dibenarkan menentukan destiny dan nasib sendiri melalui “self-determination” (hak menentu sendiri) sama ada kekal bersama dalam Malaysia dengan syarat-syarat baru atau bebas dan merdeka untuk menentukan sendiri masa depan mereka.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019.

Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
- b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian
- d) Kerja Raya;

- e) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- f) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.

Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963. Di samping itu, Kerajaan tidak bersetuju dengan sebarang cadangan dan isu-isu berbangkit berkaitan pembubaran MA63 dan self - determination.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jemaah Menteri pada 6 Mac 2019 telah bersetuju agar Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia disama ratakan sebagai rakan kongsi dan susulan daripada keputusan itu, pindaan perlembagaan terhadap Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan akan dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 66

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang kementerian akan ambil untuk memperluaskan jaringan keselamatan (*safety net*) kepada golongan rakyat berpendapatan pertengahan (M40), selain daripada golongan B40 kerana golongan M40 juga terkesan akibat keadaan ekonomi kini yang perlahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan menerusi Kementerian yang berkenaan sentiasa prihatin dalam melaksanakan langkah-langkah untuk memperluaskan jaringan keselamatan (*safety net*) kepada golongan rakyat berpendapatan pertengahan M40. Di antara langkah-langkah tersebut adalah;
2. Pertama: **Kementerian Kewangan (MOF) menerusi Pendekatan fiskal Belanjawan 2019 ke arah menambah pendapatan boleh guna bagi golongan peringkat pertengahan- M40** di mana had pelepasan cukai bagi setiap anak berumur di bawah 18 tahun, digandakan daripada RM1000 kepada RM2000 mulai taksiran 2016, pelepasan cukai bagi pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan dinaikkan daripada RM3000 kepada RM4000. Juga pelepasan cukai sehingga RM5000 setahun bagi tujuan perubatan dan penjagaan terhad hanya kepada ibubapa yang sakit serta pelepasan cukai terkumpul sebanyak RM1500 untuk ibu dan RM1500 lagi untuk bapa.
3. Kedua: **Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Persatuan Pengilang Malaysia (FMM) dengan pendekatan *Productivity-Linked Wage System (PLWS)*** bagi menggalakkan majikan memberi kenaikan gaji yang berpatutan sesuai dengan produktiviti pekerja. Selain itu, Kerajaan **memperkenalkan Skim Insurans Pekerjaan (SIP)** mulai tahun 2019 yang bertujuan membantu golongan pekerja yang diberhentikan kerja melalui pemberian bantuan saraan sementara serta peluang latihan semula atau *upskilling and reskilling*.
4. Ketiga: **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan beberapa**

perkhidmatan berbentuk sistem sokongan kepada jaringan keselamatan untuk golongan M40 iaitu;

- a) **Kesihatan reproduktif** seperti program kesihatan reproduktif di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) iaitu perkhidmatan Subfertility (persediaan kehamilan), perkhidmatan perancang keluarga dan lain-lain.
 - b) **Program Pembangunan Psikologi** seperti Seminar Literasi Undang-Undang kepada golongan wanita bagi memberi penekanan dan kesedaran dari segi perundangan sivil dan syariah.
 - c) **Perkhidmatan kaunseling dan motivasi** seperti program motivasi dan kaunseling khususnya kepada ibu tunggal, wanita, remaja, mangsa keganasan dan lain-lain.
5. Dengan penglibatan bersepadu semua pihak Kerajaan dan swasta, inisiatif-inisiatif ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat di semua peringkat termasuk golongan M40 yang turut terkesan akibat keadaan ekonomi semasa.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
25 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHA KEE CHIN
[RASA]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 67

Y.B. TUAN CHA KEE CHIN [RASA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah duti setem jangkaan yang sepatutnya dikutip oleh Kerajaan tetapi tidak dikutip kerana pelaksanaan skim kempen pemilikan rumah (HOC) untuk tempoh 6 bulan pertama tahun ini dan apakah impak kempen HOC ini kepada industri perumahan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen Pemilikan Rumah (HOC) merupakan salah satu usaha Kerajaan bersama pemaju perumahan bagi mengatasi isu lebih bekalan hartanah kediaman yang semakin meningkat. Melalui kempen ini, pembelian rumah kediaman daripada pihak pemaju yang berdaftar dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHARED A) serta Persatuan Pemaju Perumahan dan Harta Tanah Sarawak (SHEDA) yang memberikan diskaun sekurang-kurangnya 10% ke atas harga jualan rumah yang sedia dibina akan menikmati pengecualian duti setem bagi instrumen surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan kos pembelian rumah kepada pembeli dan diskaun ini tidak melibatkan rumah harga terkawal.

Di bawah kempen ini, pengecualian duti setem adalah diberikan ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta. Namun, pengecualian duti setem 100% adalah terhad kepada RM1 juta pertama nilai rumah tersebut. Baki selebihnya adalah tertakluk kepada kadar 3%. Selain itu, pengecualian duti setem 100% juga diberikan ke atas perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman bernilai melebihi RM300,000 sehingga RM2.5 juta. Pengecualian duti setem ini hanya sah untuk pembelian rumah oleh individu rakyat Malaysia, bagi perjanjian jual beli yang dimuktamadkan antara Januari sehingga Jun 2019 untuk projek perumahan yang diberikan diskaun sekurang-kurangnya 10% dan disahkan oleh REHDA, SHARED A dan SHEDA.

Jumlah hasil dari duti setem yang tidak dapat dikutip Kerajaan dianggarkan sebanyak RM950 juta untuk tempoh 6 bulan tersebut dengan andaian sebanyak 42,409 unit rumah terjual dengan nilai RM34.16 bilion dalam tempoh tersebut.

NO SOALAN : 67

Berdasarkan data yang diperolehi dari Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) bagi suku ketiga tahun 2018, jumlah kediaman yang berharga melebihi RM300 ribu yang masih tidak terjual termasuk pangsapuri servis dan *Small Office Home Office* (SOHO) adalah sebanyak 42,409 unit yang dianggarkan bernilai RM34.16 bilion. Sehubungan itu, penganjuran HOC berpotensi menjadi satu platform untuk memasarkan rumah kediaman yang belum terjual di bawah satu bumbung. Selain itu, penganjuran HOC dijangka akan memberikan impak positif dan signifikan kepada rakyat dan industri perumahan seperti berikut:

- i. menunjukkan usaha berterusan Kerajaan bagi membantu lebih ramai rakyat Malaysia untuk memiliki rumah pada harga yang mampu milik; dan
- ii. menterjemahkan komitmen Kerajaan untuk membangunkan industri perumahan di negara ini serta mewujudkan suasana menang-menang dengan semua pihak yang berkepentingan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 25.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 68

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kerajaan Negeri Sabah telah mewujudkan Kementerian Pelajaran dan Inovasi. Adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk menurunkan kuasa penuh berkaitan pendidikan kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah mempunyai autonomi penuh berkaitan pendidikan di Negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan merupakan tanggungjawab di bawah Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia bersedia bekerjasama Kementerian Pelajaran dan Inovasi, Sabah bagi memastikan pendidikan di Negara ini berada dalam tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan dasar serta hala tuju pembangunan industri seni dan budaya di Malaysia, terutama dalam konteks menarik lebih ramai pelancong asing untuk datang ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa menjadikan Pelan Strategik Kementerian 2016 – 2020 sebagai dasar serta hala tuju dalam membangunkan industri seni dan budaya Malaysia bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan. Antara strategi dan pelan tindakan yang digariskan dalam pelan strategik tersebut adalah seperti berikut:

1. Membangun dan mempromosikan secara meluas lokasi atau tempat pelancongan budaya yang menarik di Malaysia contohnya meluaskan promosi Melaka dan George Town sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO yang kaya dengan sumber sejarah dan warisan negara yang masih terpelihara;
2. Mencalonkan lebih banyak tapak warisan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*) UNESCO

seperti Taman Botani FRIM Selangor, Permatang Kuarza, Gombak dan Taman Negeri Royal Belum. Selain itu, usaha mencalonkan warisan kebudayaan tidak ketara di bawah Konvensyen *Intangible Cultural Heritage* diteruskan seperti pencalonan Pantun, Wangkang, Silat dan Songket yang mana dokumen pencalonan telahpun dihantar kepada pihak UNESCO pada tahun 2017 dan 2018;

3. Menggalakkan penglibatan dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti individu, komuniti, agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, badan-badan bukan Kerajaan dan pihak swasta dalam membangunkan produk-produk pelancongan dan kebudayaan di pelbagai peringkat merentasi sempadan budaya dan etnik di seluruh Malaysia. Antara contoh yang dilaksanakan adalah seperti program Satu Daerah Satu Industri untuk produk kraf;

4. Menjenamakan produk-produk budaya seperti produk kraf Malaysia untuk dipromosi dan dijual secara meluas di seluruh negara dan peringkat antarabangsa dengan mengekalkan kualiti dan identitinya serta pempakejan yang menarik;

5. Memelihara dan memulihara sumber-sumber berkaitan seni dan budaya terutamanya bangunan dan tapak warisan, seni visual dan artifak kebudayaan bagi memastikan kemampanan produk pelancongan budaya yang berdaya saing serta mampu menarik lebih ramai pelancong;

6. Menganjurkan program-program seni budaya dan warisan seperti Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM), Panggung Seni Tradisional, Jejak Warisan, Semarak Warisan, Pesta Makanan Warisan, Hari Kraf Kebangsaan dan Bermalam di Muzium;

7. Menaiktaraf pameran di muzium-muzium dan Balai Seni Negara dengan penggunaan teknologi terkini bagi menarik lebih ramai pengunjung;

8. Melaksanakan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) bagi melahirkan generasi muda yang memahami dan dapat mewarisi seni dan budaya tradisional. PBSB merupakan program berstruktur yang berbentuk bimbingan dan latihan seni kepada pelajar sekolah rendah, menengah dan komuniti. Melalui pembelajaran selama tiga (3) bulan, pelajar diberi tunjuk ajar berdasarkan modul seni oleh Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) bagi enam (6) bidang seni iaitu teater, tari, muzik (gamelan dan kompang), permainan tradisional (gasing), seni berbahasa dan silat; dan

9. Kementerian ini telah diberi mandat oleh Kementerian Kewangan untuk memberi potongan cukai penajaan mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967, Subseksyen 34(6)(k) kepada syarikat korporat yang menaja aktiviti seni, budaya dan warisan. Potongan cukai boleh diberikan sehingga maksimum RM700,000. Kementerian ini sedang mengkaji cadangan untuk menaikkan had maksimum potongan cukai penajaan ini sehingga RM1 juta.

Di samping itu, Kementerian ini juga dalam proses menyiapkan draf Dasar Kebudayaan Negara selepas sesi-sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan. Dasar ini akan menjadi rujukan utama Kementerian ini bagi menentukan hala tuju pembangunan industri seni, budaya dan warisan di Malaysia. Dasar ini dijangka dilancarkan pada penghujung tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
[SUBANG]
TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 70

Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Bon Samurai tertakluk dengan syarat pemberian projek kereta api kepada Jepun yang mana ia boleh menjejaskan projek BRI China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 8 Mac 2019, Kerajaan Malaysia telah menerbitkan bon Samurai dengan jaminan *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) sebanyak 200 bilion yen (RM7.2 bilion), bertempoh matang 10 tahun dengan kos keseluruhan kepada Kerajaan Malaysia sebanyak 0.63% setahun. Terimaan daripada terbitan ini bukan untuk tujuan projek spesifik seperti projek kereta api laju Jepun, tetapi akan digunakan untuk membiayai sebahagian perbelanjaan pembangunan meliputi projek seperti pembinaan sekolah, hospital, infrastruktur pengangkutan, jalan raya, utiliti dan lain-lain.

2. Penerbitan bon Samurai ini telah mendapat jaminan daripada Kerajaan Jepun melalui *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC). Tawaran fasiliti jaminan ini merupakan tawaran khusus sebagai insentif kepada Kerajaan Malaysia untuk memperoleh pinjaman pasaran dalam bentuk bon di pasaran kewangan Jepun. Pada 15 Mac 2019, Kerajaan telah memuktamadkan kesemua perjanjian yang berkaitan dengan penerbitan bon Samurai. Untuk makluman, terma perjanjian bon Samurai ini adalah seperti terbitan bon atau sukuk global Kerajaan yang lain dan tidak mengehadkan sebarang komitmen dan langkah Kerajaan untuk melaksanakan inisiatif lain seperti projek *Belt and Road Initiative* (BRI) oleh Kerajaan China, atau apa-apa komitmen Kerajaan di masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan setakat ini bagi pelaksanaan program pembangunan usahawan bimbingan dalam industri pemprosesan asas tani berasaskan produk perikanan bagi manfaat nelayan-nelayan pantai di seluruh negara dan khususnya di negeri Pulau Pinang. Apakah status kemajuan pelaksanaan program ini di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) telah memperuntukkan sebanyak RM6.07 juta semenjak tahun 2014 melalui Jabatan Perikanan (DOF) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi melaksanakan program pembangunan usahawan dalam industri asas tani berasaskan perikanan seperti berikut:

1. Pembiayaan Modal
 - i. Geran Pemadanan *High Impact Product* (HIP);
 - ii. Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP); dan
 - iii. Geran Agropreneur Muda (GAM) berjumlah.

2. Menaiktaraf infrastruktur Pusat Pemprosesan, Pengumpulan dan Pemasaran (3P); dan
3. Latihan dan Program Pembangunan Usahawan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM409,560.20 telah diperuntukkan bagi melaksanakan program pembangunan usahawan dalam industri asas tani berasaskan perikanan di Pulau Pinang yang melibatkan seramai lima (5) orang penerima Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP) berjumlah RM100,714 dan tiga (3) orang penerima Geran Agropreneur Muda (GAM) berjumlah RM44,144. Manakala bagi Program Latihan dan Program Pembangunan Usahawan berasaskan produk perikanan, sejumlah RM264,702.20 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 51 siri kursus di Pulau Pinang dengan penglibatan seramai 1,152 jumlah peserta.

Program Geran *Change Upgrade Product* (CUP) dan Geran Agropreneur Muda (GAM) bersaskan perikanan di Pulau Pinang telah menunjukkan kemajuan dari segi nilai jualan tahunan oleh usahawan. Sehingga 31 Disember 2018, secara keseluruhan nilai jualan tahunan penerima geran tersebut telah meningkat sebanyak 66% kepada RM1,799,404.00 berbanding RM1,082,534.00 nilai jualan tahunan sebelum pembiayaan geran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 25 MAC 2019

SOALAN : 72

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah Balai Polis Tebedu akan dinaiktaraf kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) memandangkan Pejabat Daerah Tebedu telah pun di naiktaraf kepada sebuah daerah penuh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Balai Polis Tebedu kini beroperasi di Bandar Mutiara di Lot 299, Blok 8, Kayan Land District dengan keluasan tanah adalah 5.039 ekar/ 2.0396 hektar dengan perjawatan seramai 12 orang yang diketuai oleh Ketua Polis Balai berpangkat Sarjan.

Pada masa ini, pihak Kementerian sedang memberi penumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada serta kerja-kerja menaiktaraf premis PDRM yang uzur. Walaubagaimanapun, cadangan untuk menaiktaraf balai berkenaan akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk dilaksanakan setelah semakan keutamaan dibuat. Mengenai cadangan menaiktaraf Balai Polis Tebedu menjadi sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah, kajian yang mendalam akan dibuat oleh Kontinjen Polis Sarawak terlebih dahulu sebelum ianya boleh dilaksanakan.